

## BAB EMPAT

### FALSAFAH ETIKA MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL: KAJIAN BERDASARKAN PANTUN MELAYU

*For an interior made exterior. And the poet's search  
for the same exterior made interior...*

Wallace Stevens

#### 4.1 Pengenalan

Puisi adalah pengucapan pemikiran dan perasaan. Ia membentuk satu sistem dalam bentuk lisan dan tulisan, yang tidak hanya bersifat sebagai sebuah entiti sastera dan bahan subbudaya tetapi menjangkau peranan yang lebih besar kepada manusia dan alamnya. Puisi secara peribadi dizahirkan manusia menurut latar zaman dan keadaan yang selalunya memberi gambaran signifikan tentang kehidupan manusia dan masyarakat yang memakainya.

Puisi bukan sahaja memberi gambaran sejarah, malah menjangkau ke ruang kehidupan yang lebih luas dan dalam, secara horizontal dan vertikal. Ia menjadi bahan yang mengemukakan sebuah *ethos* kehidupan masyarakat yang diwakilinya. Peranan puisi secara umum ialah sebagai wahana sastera, seni hiburan dan pendidikan. Namun, dalam konteks yang lebih luas, ia sebenarnya turut membentuk satu sistem pemerian budaya hidup masyarakat secara konkrit dan abstrak. Kelangsungan proses pergerakan dan kemajuan individu sehingga kepada evolusi dan transformasi sosial masyarakat seluruhnya dapat digambarkan dalam gagasan dan perkembangan puisi yang dicipta dalam sesebuah masyarakat.

Gambaran-gambaran yang dibawakan oleh simbol-simbol dalam puisi bukan sahaja bermain dalam imejan yang bersifat maujud, terpamer pada pancaindera manusia. Ia turut membenarkan gagasan yang lebih besar wujud didalamnya, bersifat abstrak, mujarad, yang harus dicernakan oleh pemikiran dan perasaan dalam memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan. Sekaligus, puisi bukan sekadar membawa maksud latar masa dan situasi yang tetap, pada masa ia dicipta, malah, ia melangkaui zaman yang sebelum dan selepasnya. Dengan maksud lain, puisi bertindak sebagai satu bentuk proses peringatan kepada manusia yang memakai puisi tersebut dalam kehidupan sehari-harian bagi membimbing masa depannya.

*The view that a poem may express truths by virtue of its peculiar poetic character and may thus claim to inherently philosophical, was first overtly enunciated by Aristotle in his famous remark that "poetry is more philosophical than history, for poetry deals with universals, history with particular."<sup>1</sup>*

Menurut filsuf Yunani, Aristotle, puisi bukan sekadar bahan sejarah, malah ia adalah sistem yang lebih besar, satu sistem falsafah yang wujud secara semulajadi lahir daripada fikiran dan perasaan pengucapnya. Sebagai wahana yang tercetus daripada rohani, jiwa dan jasad manusia, dalam usaha menurut kehendak diri dan masyarakat pada tanggapan baik dan bernilai tinggi, puisi dirujuk sebagai satu set falsafah hidup (*a way of life*) dalam bentuk lisan dan juga teks bertulis.

Dalam usaha menterjemahkan makna kehidupan dan kecenderungan memilih nilai-nilai tertinggi diri manusia menuju kebenaran, puisi dan materi

---

<sup>1</sup> Alex Preminger (ed.), 1974. *Princeton Encyclopedia of Poetry and Poetics*. (London: The Maxmillan Press Ltd), hlm 615.

sastera lainnya bertindak merealisasikan usaha tersebut. Puisi menghantar lambang dan simbol dalam bahasa dan gagasan yang halus dan indah lebih akrab dengan diri manusia. Justru itu, dapatlah kita melihat bahawa unsur-unsur puisi selalunya membicarakan catatan dunia dan alam persekitaran serta diri manusia itu sendiri. Dalam ertikata lain; "*what philosophy explains, literary art realizes or makes.*"<sup>2</sup>

Keadaan ini secara tidak langsung mengangkat martabat puisi sebagai materi falsafah yang unggul, membantu bagi membentuk dan menampilkan sistem pemikiran sesebuah masyarakat. Ini kerana apa yang diucapkan di dalam puisi adalah cerapan daripada pancaindera yang mengalami proses analisa, renungan, penjelasan dan mewujudkan pengertian kepada manusia itu sendiri.

Dengan tambahan sifat dan ciri keindahan seni sastera pada kaedah proses penciptaan serta gaya penyampaiannya, puisi dalam konteks yang lebih besar dirujuk sebagai materi falsafah yang halus dan berseni. Imbuhan estetika ini turut memberi bonus sebagai ciri dan sifat istimewa diri masyarakat di mana puisi itu berlangsung.

*A poem may be philosophical in either of two main senses. It may serve as a vehicle of some philosophical teaching which is essentially independent of the poem itself and could therefore be paraphrased in a set of logically developed statements without loss or distortion of meaning... Or on the other hand, and by a more deeply characteristic procedure, it may employ its fully linguistic, rhythmic, and associational resources to open up new insights into values, relationships, and significant possibilities, such as could not be adequately rested, except with gross distortion, outside the particular poem that has succeeded in expressing them.<sup>3</sup>*

<sup>2</sup> Richard Kuhns, 1971. *Literature and Philosophy*. (London: Routledge & Kegan Paul Ltd.), hlm vii.

<sup>3</sup> Alex Preminger (ed.), *op. cit.*, hlm 615.

Masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi sudah cukup sebat dengan konsep puisi sebagai sebuah wahana yang menggerakkan kehidupan. Fungsi puisi digambarkan sebagai satu bentuk undang-undang sosial secara tidak langsung. Puisi tidak menjadi kanun dan hukum kepada masyarakat dalam bentuk hitam putih tetapi berperanan sebagai gagasan dan batu tanda peringatan dan sempadan kepada tingkah laku dan peradaban masyarakat.

Namun, di dalam genre puisi-puisi Melayu lama, pantunlah yang paling sinonim dan signifikan sebagai alat dalam satu proses peraturan secara lisan yang berkepentingan dalam sosialisasi masyarakat. Dalam kehidupan sehari-hari, pantun memainkan peranan sebagai alat untuk menegur dan memperingatkan tata tertib dan kesopanan tingkah laku. Ia membentuk sistem pengajaran dan pendidikan yang diucapkan penuh kehalusan, dalam bentuk dan sifat berkias. Dalam waktu yang sama, nilai-nilai keindahan dan ketertiban menegur dan mendidik masih berada dalam landasan tingkah laku bermasyarakat yang murni, sambil tidak menjelaskan perjalanan kehidupan murni ahli-ahlinya.

Pantun, seni puisi orang Melayu yang paling asli telah lama mempunyai segala kesempurnaan sebagai satu wahana yang dapat mengemukakan pembuktian gagasan dan proses kefalsafahan orang Melayu. Menurut sarjana Perancis, Francois Rene Daillie, "*this brief poem is an epitome of life and a universe in a grain of sand.*"<sup>4</sup>

Sebuah pantun dengan empat baris ayatnya dengan kepadatan isi dan kalimatnya, mempamerkan perihal perjalanan kehidupan dengan perlambangan-perlambangan alam yang erat dan besar ertiannya kepada kehidupan Melayu. Di dalam setiap lambang yang terpilih dan diucapkan (*signified and signifier*), ia mempunyai satu proses pemikiran dan perasaan yang lebih dalam maksudnya daripada sekadar sebuah karangan berangkap. Seluruh kehidupan manusia

---

<sup>4</sup> Francois-Rene Daillie, *op. cit.*, hlm 6.

Melayu tercatat dalam pantun, sekaligus menjadikan pantun sebagai wakil teks filosofikal Melayu yang paling original, tulen dan sejati (*authentic*).

*Poetry has therefore, by its very nature, something of the character of revelation: not because it proclaims universal truth as such, but because "by grasping the particular in its living character it implicitly apprehends the universal along with it.<sup>5</sup>*

Sebuah pantun yang baik dan dapat menimbulkan kudrat pemikiran dan perasaan halus, luhur dan bijaksana mempamerkan keintiman manusia Melayu secara peribadi dengan alam luas (*macrocosmos*) dan alam dirinya (*microcosmos*). Seluruh dunia seolah-olah berada dalam gagasan yang diwakili oleh dixi terpilih yang ada dalam diri manusia Melayu. Hal alam luas dan alam kecil ini diwakili lambang-lambang konkret pada pancaindera, contohnya, bumi, langit, lautan, telaga serta betik dan nyiur seperti yang terpapar dalam pantun-pantun berikut. Situasi pantun-pantun tersebut memperincikan hubungan relatif dua dunia tersendiri dalam kuantiti ruang dan waktu berbeza. Namun, jiwa dan kehidupan manusia Melayu itu dapat berdiri serta dibaca dengan jelas menurut ketertiban dalam konteks dua alam tersebut.

Ramai orang di Kuala Sawah,  
Masak nasi jangan hangit;  
Sedikit budi bukannya mudah,  
Seberat bumi di antara langit.<sup>6</sup>

Tanam tebu ruas-ruas,  
Tanam mari tepi telaga;  
Lautan lebar bukankah luas,  
Kenapa kapal selalu berlaga.<sup>7</sup>

<sup>5</sup> Alex Preminger (ed.), *op. cit.*, hlm 616.

<sup>6</sup> Wan Ab. Kadir Wan Yusoff (penyelenggara), 1996. *Pantun Manifestasi Minda Masyarakat*. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu), hlm 38.

<sup>7</sup> *Kurik Kundi Merah Saga*, *op. cit.*, hlm 211

Pokok betik di tepi jalan,  
Buah masak diperam lagi;  
Kecil-kecil nyiur setandan,  
Sudah besar bermacam jadi.<sup>8</sup>

Sebagai sebuah teks falsafah, pantun memberi kemungkinan paling jelas pada penampilan lambang-lambang dan simbol daripada alam untuk menyatakan set-set landasan hukum kehidupan bersosial manusia Melayu. Nilai yang dipakai dalam teks tersebut merupakan sistem yang terbentuk sebagai norma bermasyarakat, bukan sahaja antara hubungan individu dengan individu, malah menjangkau hubungan keseluruhan dengan alam semesta, dan paling penting tunduk dan sujud kepada Maha Pencipta.

Dalam proses mencipta pembayang maksud dan maksud serta melihat fungsinya di dalam sesebuah teks pantun, dunia konkret yang dizahirkan bukan sahaja bersifat sebagai lambang tetapi juga bahasa alam yang mempunyai asal usul hukum kejadian. Selain itu, pembayang dan maksud pantun turut membicarakan perjalanan alam yang diperikan sejajar dengan tafsiran dan tanggapan manusia Melayu menurut tabi'e kejadian alam oleh Allah SWT.

Sebuah pantun Melayu yang baik tidak akan mempamerkan unsur yang berlawanan tanpa menurut kesejajaran hukum alam sebelum pemerian itu dipakai oleh manusia. Seperti peribahasa Melayu, berakit-rakit ke hulu, berenang renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian, pantun menggambarkan satu proses alam (*law of nature*) yang harus diikuti dan dirujuk dengan cerapan pancaindera dan renungan akal fikir. Pantun melontarkan hal alam yang konkret, berjisim dan juga menyeduh intipati kehidupan yang abstrak.

Pada satu tanggapan lain pula, segala kalimat dan kejadian yang disebut di dalam sesebuah teks pantun itu boleh bertimbali balas (*reciprocal*) antara

---

<sup>8</sup> Mohd. Yusof Md. Nor, 1985. *Puisi Melayu Tradisi*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), hlm 16.

kedua-dua perspektif konkret dan abstrak tersebut. Ciri ini melengkapi prinsip filosofikal seni puisi yang dinyatakan oleh Aristotle.

*Aristotelian principle have held that the universals which poetry expresses are such as to constitute “natura naturans” as distinguished from “natura naturata”; the world’s soul rather than the world’s body; concrete rather than abstract universals; the creative impulse rather than the finished product.<sup>9</sup>*

Keistimewaan pantun bukan lagi sekadar membicarakan bentuk dan sifat puisi serta manusia yang diwakilinya. Paling penting ialah gagasan jiwa yang terkandung dalamnya. Pantun melangkaui prinsip-prinsip fizikal tersebut kerana ia turut bertindak pada fungsi penting yang lain iaitu soal kejiwaan yang menyangkut soal rohani. Pantun bukan sahaja sekadar dilhat pada idea bijaksana seluruh teks tentang unsur semiotik berjisim tetapi turut mempamerkan keindahan jiwa Melayu secara spontan tetapi masih dalam santun mengalas proses berkata-kata itu.

*and its rhythm deeply ingrained in common ordinary speech. There is no gap between the language of pantuns and the language of daily communications.<sup>10</sup>*

Proses pengucapan secara spontan dalam proses berpantun merupakan satu situasi yang menggambarkan akrab dan teguhnya jiwa orang Melayu dengan keindahan-keindahan murni batin yang terpancar dalam keadaan bersahaja. Ini turut melambangkan jiwa manusia Melayu memakai ego dan superego diri yang terkawal secara harmoni. Ini penting sebagai bukti yang menunjukkan bahawa manusia Melayu itu memang lahir dengan sifat tenteram jiwa. Nada tenang dan tenteram ini menurut Al-Ghazali, *reveal the inner beauty of these men.*

<sup>9</sup> Alex Preminger (ed.), *op. cit.*, hlm 616.

<sup>10</sup> Francois-Rene Daillie, *op. cit.*, hlm 6.

#### 4.2 PANTUN MELAYU: ETIMOLOGI DAN LATAR PENCIPTAAN

Kajian etimologi atau akar kata perkataan “pantun” telah banyak dilakukan terutamanya oleh sarjana-sarjana Barat dan Nusantara terutamanya dari Indonesia. Asal usul akar kata “pantun” dikaji daripada pelbagai bahasa yang tergolong dalam lingkungan bahasa *Polynesia - Austronesia* iaitu rumpun asal bahasa Melayu yang menurunkan perkataan “pantun”.

Dr. R. Brandstetter, sarjana berbangsa Swiss mengatakan bahawa dalam bahasa Sunda ada perkataan yang berbunyi “pantun”. Kata akarnya “tun” mempunyai makna yang sama dengan perkataan “tuntun” dalam bahasa Pampanga bermaksud teratur atau bahasa satu susunan. Dalam bahasa Jawa kuno, “tuntun” membawa erti benang dan perkataan “atuntun” bermaksud teratur dengan benang. Perkataan Jawa kuno yang berbunyi “matuntun” membawa erti memimpin.

Dalam bahasa Bisaya, kata “panton” bererti mendidik manakala “pantun” bermaksud kesopanan atau kehormatan bagi bahasa Toba. Daripada segala definisi tersebut tentang pantun, Brandstetter meletakkan akar kata “tun” sebagai merujuk kepada sesuatu yang “teratur, yang lurus sama ada hal-hal yang konkret mahupun abstrak.<sup>11</sup> Menurut asal usul akar kata tersebut, dapatlah dikatakan bahawa takrif kata “pantun” itu membawa makna “sesuatu yang teratur, tersusun, sesuatu karangan yang bahasanya terikat atau tiada terikat dalam membawa satu maksud atau satu bentuk pemikiran.<sup>12</sup>

Namun, wujud juga idea tentang perkataan pantun yang dikatakan mempunyai kecenderungan kepada kata “panuntun” (penuntun) dari bahasa Minangkabau. “Panuntun” adalah salah satu bentuk sastera lisan yang bertujuan memberi tuntunan dalam kebudayaan dan peradaban Minangkabau. Menurut Hamid Jabar, perkembangan kata “panuntun” itu kemudiannya dikenal

<sup>11</sup> Harun Mat Piah, *op. cit.*, hlm 105-106.

<sup>12</sup> Hossien Djadjadiningrat, *op. cit.*, hlm 17-18.

sebagai "pantun."<sup>13</sup> Bagaimanapun, pemahaman umum tentang pantun menurut takrif sebagai puisi Melayu tidaklah sama seperti yang didefinisikan mengikut pendapat Brandstetter. *Kamus Dewan* memberi definisi pantun Melayu sebagai;

...sejenis puisi lama yang terdiri daripada empat baris dalam tiap-tiap rangkap (dua baris pertama merupakan pembayang maksud dan lainnya mengandungi maksud nya) ataupun sejenis peribahasa yang digunakan sebagai sindiran.<sup>14</sup>

Perkataan "sepantun" didefinisikan sebagai seperti, macam atau seumpama manakala perkataan "memantuni" bermaksud menyindir iaitu mengejek dengan menggunakan pantun, ataupun memberi perumpamaan-perumpamaan atau bandingan secara berkias.

Bagaimanapun, dengan segala definisi tersebut, kita masih tidak dapat melihat secara jelas bagaimana pantun yang sering dibicarakan sebagai karangan rangkap empat baris seperti takrif pantun Melayu dalam konteks puisi lama kesusastraan Melayu. Di dalam bukunya *Ilmu Mengarang Melayu* (1962), definisi puisi tradisional ini menurut Za'ba ialah,

... nama karangan berangkap yang terbahagi dua, bahagian yang pertamanya membayangkan maksud dan isyarat bunyi dan bahagian yang kedua mengandungi maksud itu serta berjodoh bunyinya dengan bahagian yang pertama tadi.<sup>15</sup>

Pendeta Za'ba turut mengatakan bahawa perkataan pantun itu pada mulanya dahulu dipakai orang dengan makna "seperti" atau "seumpama." Dalam percakapan orang Minangkabau, maksud "umpama" dikatakan masih dipakai dengan erti demikian. Dalam nyanyi orang tua-tua kita dapat;

---

<sup>13</sup> Harun Mat Piah, *op. cit.*, hlm 106.

<sup>14</sup> Teuku Iskandar (ed.), *op. cit.*, hlm 907.

<sup>15</sup> Za'ba, 1962. *Ilmu Mengarang Melayu*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), hlm 219.

Sepantun ayam tidak berinduk  
Menampi orang maka makan.<sup>16</sup>

Menurut Za'ba lagi, "dari situ melaratlah dipakai erti "perumpamaan" seperti dalam hikayat *Sejarah Melayu, Hang Tuah dan Amir Hamzah* (iaitu hikayat tua-tua belaka)."<sup>17</sup> Di dalam *Hikayat Hang Tuah* (1975), Pateh Karma Jaya ada menggunakan perkataan pantun ini dengan membawa maksud peribahasa atau perumpamaan,

... Akan sekarang adalah seperti pantun orang:  
"Pagar makan padi" (hlm182)

Dalam beberapa rangkap pantun Melayu lama, perkataan sepantun digunakan dengan pengertian sedemikian; yang bermaksud seumpama, bagaikan, dan seperti, dengan maksud rujukan terhadap sesuatu perkara. Antara pantun tersebut berbunyi,

Daun bayam alaskan senduduk,  
Nasi terjerang ceduk ke pinggan;  
Sepantun ayam tidak berinduk,  
Tampi orang baharu makan.<sup>18</sup>

Turun hujan rintik-rintik,  
Tumbuh cendawan gelang kaki;  
Kami sepantun telur itik.  
Kasih ayam baharu menjadi.<sup>19</sup>

Raden Inu Ratu Kuripan,  
Dicuri Ratu Sijuindu;  
Sepantun jentayu rindukan hujan,  
Tidak kuasa menanggung rindu.<sup>20</sup>

Pada tahap ini, pantun secara jelas membawa pengertian sebagai alat pemerian bahasa dengan merujuk kepada bahasa-bahasa atau perbuatan dan

<sup>16</sup> Za'ba, 1962. *op. cit.*, hlm 219.

<sup>17</sup> *Ibid.*, hlm 219.

<sup>18</sup> *Kurik Kundi Merah Saga*, *op. cit.*, hlm 249.

<sup>19</sup> *Ibid.*, hlm 293.

<sup>20</sup> *Pantun Melayu*. 1958. (Jakarta: Balai Pustaka), hlm 57.

aturan alam. Bahasa, kelangsungan, berbuatan atau aturan alam ini sering dipakai orang Melayu sebagai perbandingan atau rujukan kepada perbuatan dan proses tingkah laku dalam hidup sehari-hari yang diselaraskan dengan kelangsungan peraturan alam yang dipakai itu.

Secara umum, pemerian bahasa wujud dalam budaya percakapan orang Melayu dengan lebih dikenali sebagai pepatah atau peribahasa.<sup>21</sup> Peribahasa (*paribahasa* atau *paribhasya* berasal daripada perkataan Sanskrit) terkandung cakap-cakap atau perkataan-perkataan yang bijaksana bagi menggambarkan kehidupan berlatarkan peraturan alam. Tabiat alam dipergunakan sebagai penanda (*signifier*) kepada aturan alam yang berlangsung di sekitar penghidupan manusia Melayu. Hossein Djadjadiningrat yang memetik pendapat Winter dalam *Javaansche Zamenspraken* (jilid ii, hlm 207) menyatakan bahawa *pari* yang bererti basa, babasan, iaitu peribahasa atau perbandingan yang dipakai bagi orang membuat perbandingan untuk mengolok-olokkan.<sup>22</sup>

Perkataan pantun dalam bahasa Jawa lahir daripada bentuk *krama*<sup>23</sup> kepada perkataan *paribahasa*, *paribhasya* atau peribahasa itu. Maka, secara mudah, dapatlah dikatakan bahawa perkataan pantun itu, selain maksud sesuatu yang teratur, baris-baris katanya memimpin antara satu sama lain dalam menuju satu tingkat maksud yang lebih tinggi nilai keberkesanannya. Menurut Hossein Djadjadiningrat dalam kesimpulannya tentang definisi dan takrif pantun menyebut bahawa pantun itu sebenarnya,

... satu bait, yang sebahagian mengandungi kiasan atau sesuatu yang kurang terang, yang dijelaskan oleh bahagian yang lain, tidak peduli apa isinya,

<sup>21</sup> Harun Mat Piah, *op. cit.*, hlm 107.

<sup>22</sup> *Ibid.*, hlm 107.

<sup>23</sup> *Krama* atau *kromo* bermaksud bahasa yang halus dan hormat. Perkataan pantun adalah bentuk *krama* kepada perkataan *pari* yang dipakai sebagai perkataan pendek dan halus oleh rakyat jelata dan orang kebanyakan.

Hossein Djadjadiningrat, *op. cit.*, hlm 16.

meskipun telah selayaknya kiasan yang dipakai sedemikian mempunyai semangatnya sendiri.<sup>24</sup>

Namun, etimologi dan penggunaan kata pantun dengan maksud perumpamaan atau peribahasa dapatlah dibayangkan sebagai keteraturan sesuatu hal. Yang cuba disampaikan ini dipakai dalam kiasan-kiasan yang berlambangan, dengan membawa maksud abstrak ataupun hal-hal mujarad. Walaupun bukan terang-terangan, maksud tersebut tetaplah dapat difahami orang. Ini kerana ia merupakan perlambangan-perlambangan yang merujuk kepada pemerhatian dan pemakaian manusia Melayu pada kebiasaan yang dihadapi dalam hidup sehari-harian.

Pantun dalam dunia manusia Melayu dikatakan menjadi saluran pembentangan idea dalam kebanyakan situasi bersosial secara individu maupun bermasyarakat. Menurut Za'ba, pantun merupakan kaedah rangkapan yang tertua dan memang benar ia asal kepunyaan Melayu. Orang Melayu sudah pandai berpantun dan biasa berbalas-balas pantun antara sama sendiri sebelum mereka tahu surat menyurat dahulu.<sup>25</sup> Dan ketika menyebut tentang usia pantun Melayu, Daillie menyatakan,

*...They are probably as old as the language itself and yet still alive - a perfect mirror of the Malay world as a whole, and of the Malay soul..., they are one of the finest, cleverest, most effective and touching poetical forms in the literature of the world..<sup>26</sup>*

Winstedt pula mengatakan bahawa "the origin of the word *pantun* is doubtful."<sup>27</sup> Namun ada keceluaran juga yang merujuk pendapat Winstedt yang menyatakan bahawa pantun mulai dikenal mulai abad ke-15 dengan merujuk

<sup>24</sup> Hossein Djajadiningrat, *op. cit.*, hlm 9.

<sup>25</sup> Za'ba, 1962. *op. cit.*, hlm 219.

<sup>26</sup> Francois-Rene, *op. cit.*, hlm 3.

<sup>27</sup> R.O Winstedt, 1969. *History of Classical Malay Literature*. (Kuala Lumpur: Oxford University Press), hlm 193.

hikayat *Sejarah Melayu*. Hal ini disangkal oleh Harun Mat Piah dengan mengatakan bahawa sangat sukar untuk menjelak usia kelahiran pantun kerana sebagai sastera lisan seperti genre puisi Melayu lama yang lain, tidaklah dapat ditentukan tarikh terciptanya pantun Melayu dan sejak bila ia menjadi popular.<sup>28</sup>

Oleh sebab zaman empayar Melayu Melaka yang sangat signifikan dengan kemajuan cemerlang orang Melayu berlangsung sebermula abad ke 15, mungkin ada kecenderungan para pengkaji untuk melihat kesejajaran dominasi pantun dengan masyarakat pada zaman itu. Walau bagaimanapun, sebelum tertubuhnya kerajaan Melayu Melaka, telah ada petempatan Melayu dalam bentuk perkampungan di seluruh Tanah Melayu sebelum abad ke-15 lagi.

Pantun berkemungkinan besar telah wujud lama sebagai entiti dan wahana komunikasi budaya kehidupan masyarakat Melayu sebelum kelahiran empayar Melayu Melaka. Begitu juga kedudukannya mungkin lebih popular di kalangan rakyat apalagi jika dirujuk kerajaan beraja Melaka bermula dengan Parameswara pada abad ke-15. Golongan rakyat yang memakai pantun itu merupakan kelompok daripada budaya *little tradition* itu belumlah mempunyai sistem dokumentasi bertulis dan penggunaan aksara seperti yang banyak dilakukan oleh golongan bangsawan istana (*Great Tradition*). Maka, bersandarkan alasan ini, pandangan popular para sarjana selalu mengatakan bahawa tiada dapat diwujudkan sebarang pembuktian bahawa pantun Melayu telah lahir lebih awal daripada abad ke-14 dan 15.

Bukti bertulis tentang catatan pantun dapat ditemui dalam hikayat-hikayat Melayu lama yang wujud pada abad-abad ke 14 dan 15. Salah satunya yang paling popular disebut Winstedt ialah *Sejarah Melayu*, tulisan Tun Seri Lanang yang merupakan karya naungan golongan istana. Pantun-pantun yang disebut di dalam *Sejarah Melayu* berbunyi,

---

<sup>28</sup> Harun Mat Piah, op cit., hlm 116-117.

Cau Pandan Paduka Bubunnya,  
Hendak menyerang ke Melaka;  
Ada cincin berisi bunga,<sup>29</sup>  
Bunga berisi air mata.

Raja Belawa minjam kuda,  
Minjam kuda pada Maulana;  
Tuanku nyawa orang muda,<sup>30</sup>  
Bertambah arif bijaksana.

Tun Teja Ratna Menggala,  
Pandai membelah lada sulah;  
Jika tuan tidak percaya,  
Marilah bersumpah kalamulLah.<sup>31</sup>

Ke sana ke sana raja duduk,  
Jangan ditimpa oleh papan;  
Diketahui ganja serebuk,<sup>32</sup>  
Mengapa maka dimakan.

Pendapat Winstedt yang menyatakan bahawa pantun-pantun hanya mula ditemui di dalam hikayat-hikayat Melayu lama, mungkin disebabkan oleh *authority demand* yang bersifat material dan kesahihan pendokumentasian. Oleh itu tidaklah dapat dinyatakan secara tepat tarikh kewujudan pantun tetapi secara jelas merujuk kepada kedudukan populariti pantun, ia seolah-olah telah dipakai dalam perbicaraan manusia Melayu jauh lebih awal lagi, sebelum hikayat-hikayat Melayu lama itu ditulis.

Walau bagaimanapun, seperti menurut Sutan Takdir Alisjahbana, tarikh kelahiran pantun itu bukanlah suatu hal yang penting. Hal ini mungkin disebabkan pertumbuhan seni pantun itu sendiri sama tuanya dengan perkembangan bahasa Melayu lisan. Kenyataan Sutan Takdir Alisjahbana tentang hal ini menyebut,

<sup>29</sup> Cheah Boon Kheng (penyusun), *op. cit.*, hlm 141

<sup>30</sup> *Ibid.*, hlm 201.

<sup>31</sup> *Ibid.*, hlm 235.

<sup>32</sup> *Ibid.*, hlm 275.

... adalah pekerjaan yang sia-sia menetapkan asal mula pantun, sebab sejarah tumbuhnya sesuatu cara mengucapkan fikiran dan perasaan yang mengenai sesuatu lapangan penghidupan suatu bangsa tiadalah sekali-kali mungkin lurus jalannya dari suatu hal saja.<sup>33</sup>

Sehubungan dengan ini juga, satu persoalan lain yang timbul ialah agak sukar untuk merujuk siapa sebenarnya yang mencipta pantun itu sebagaimana kita cuba menjelak asal usul dan tarikh terciptanya pantun Melayu. Tetapi, pantun Melayu itu telah bermain-main sebagai bahasa percakapan orang Melayu dalam hiburan (nyanyian) dan ungkapan sehari-harian mereka. Seolah-olah pantun Melayu itu adalah sebahagian daripada nahu orang Melayu di dalam perbicaraannya tanpa perlu menyatakan bahawa ia sebenarnya sedang berpantun, dalam ertikata menyindir, menegur kesalahan, berseloka, mengucapkan hasrat hati yang terpendam atau berceloteh gurau senda.

Pendapat Wazir Jahan Karim yang mengkaji psikologi orang Melayu menyatakan bahawa keadaan pemakaian pantun oleh orang Melayu tanpa mengambil kira atau mengakui hak penciptaan ini sebagai,

*pantun... are without recognized authorship, the composers being forgotten or unknown since they produced these verses spontaneously under the stress of a particular emotion.<sup>34</sup>*

Golongan rakyat seringkali dilihat sebagai pengucap ataupun pemantun yang paling dominan menguasai pengucapan pantun. Hal ini mungkin disebabkan oleh hubungkait penggunaan bahasa lisan yang sangat sinonim dengan kaedah pengucapan pantun. Walaupun pantun turut tercatat dalam hikayat-hikayat lama yang sering dikaitkan dengan dokumentasi pihak istana

<sup>33</sup> Sutan Takdir Alisjahbana, *op. cit.*, hlm 9.

<sup>34</sup> Wazir Jahan Karim (ed.), 1990. "Emotions of Culture: A Malay Perspective" dalam *South East Asian Social Science Monographs*. ( Singapura: Oxford University Press), hlm 31.

(*Great Tradition*), tetapi pandangan popular sering tertuju kepada keakraban pantun dengan golongan rakyat bawahan (*peasant society*).

Hal ini mungkin disebabkan kedudukan rakyat yang penuh rasa rendah diri (*humble*) dan dengan sifat *inferiority* masyarakat Melayu yang agak kompleks yang begitu banyak disebut di dalam pantun Melayu. Individu Melayu terlalu mementingkan orang lain, terutama ahli masyarakatnya dan golongan kelas tertentu dalam masyarakat yang dianggap mempunyai kelebihan atau kepakaran yang lebih baik. Sifat rendah diri ini bukanlah merujuk kepada rasa serba kurang dalam soal harta atau kedudukan tetapi lebih merujuk kepada nada sederhana, tahu diri, hormat dan melihat kepentingan, perasaan dan kedudukan orang lain jauh lebih tinggi daripada dirinya sendiri.

Situasi sedemikian berlaku kerana sifat orang Melayu yang sentiasa penuh santun dan beradab, sering tidak mahu dilihat sebagai mahu mengangkat diri atau mempamerkan kehebatan masing-masing. Golongan masyarakat Melayu sangat mementingkan nilai kolektif bermasyarakat, melihat kepentingan manusia lain (*altruism*) dan selalu memberi penghormatan yang besar kepada orang terutamanya yang kedudukan tinggi dalam strata masyarakat. Sejak kecil manusia Melayu diserapkan dan dianjurkan dalam jiwanya sikap yang kecenderungan individualistik dalam gaya kehidupan mereka.

Kesukaran untuk menjelaki tuan empunya pantun dapat memberi andaian bahawa pantun itu sendiri telah menjadi hak kolektif kepada masyarakat yang memegangnya. Para pemantun masing-masing tidak mahu memiliki hak cipta kerana sifat masyarakat waktu itu yang menganggap pantun adalah idea pengucapan oleh semua ahli masyarakat. Seperti menurut Wazir Jahan Khan, situasi pantun diucapkan secara spontan pada waktu-waktu yang tidak tetap. Ia mungkin sahaja dilontarkan pada segala macam keadaan, sewaktu perbualan biasa di sawah, di halaman rumah, di pertemuan tanpa sengaja di jalan-jalan ataupun majlis-majlis keraian tanpa agenda formal.

Dengan fungsinya yang bertujuan mendidik, menyindir atau menyampaikan hasrat yang tersirat, tidak mungkin dapat dicatatkan waktu-waktu sesebuah pantun itu dicipta. Keadaan ini serupa dengan proses peraturan alam yang berlangsung dalam lingkungan kehidupan manusia Melayu tersebut. Air yang mengalir, angin yang menderu, padi yang menguning merujuk kepada perjalanan alam yang saban waktu. Gunung yang tetap bertahun-tahun, ikan yang sering tersangkut dalam jala dan mata kail, musim-musim silih berganti yang sudah dapat dibaca waktu datangnya menjadi bahasa sehari-hari dalam memberi gambaran gagasan idea yang ingin dilontarkan oleh sesiapa sahaja menerusi bahasa pantun.

Gambaran alam yang tercatat ini juga menjadi bukti betapa akrabnya pantun dengan gaya dan corak kehidupan masyarakat rakyat. Imej dan penanda (*signifier*) pantun merujuk kepada alam bertani, lautan dan pekerjaan nelayan, serta orang berdagang dan sifat merantau yang merupakan pekerjaan yang biasa dilakukan orang-orang Melayu dahulu.

Pantun dilihat sebagai pusaka masyarakat rakyat, dengan sifatnya yang mudah, ringkas, spontan, berterus terang pada satu peringkat, imej-imej dari alam dijalinkan menjadi gugusan frasa bijaksana, dan akhirnya dirangkai menjadi dunia kecil diri manusia Melayu. Walaupun secara literal kalimat dan sifat-sifatnya dilihat sebagai hal yang non-kompleks tetapi pantun sebenarnya menepati maxim "*less is more*" dan berjaya membentuk dunia pemikiran masyarakat yang cemerlang walaupun ia seringkali kelihatan bersifat dengan segala kesederhanaan.

Melihat kepada fungsi dan keindahan struktur kias bahasa dan aturan alam yang dicernakan dalam pantun bagi menjadi hukum manusia, pantun menjadi teks paling tinggi mutu sastera dan falsafahnya secara keseluruhan. Ia menjadi sebuah puisi kecil yang menyimpan dunia manusia Melayu di dalamnya.

*With the pantun, they reach the highest level of Malay poetry. ... By far the best and most interesting Malay verse form is the pantun, which does not occur in literature<sup>35</sup> before the 15<sup>th</sup> c. ...at its best is "simple, sensuous and passionate."*<sup>36</sup>

Pantun Melayu itu walaupun asal usulnya tidak dapat dipastikan dengan jelas, namun pemakaianya di dunia Melayu sudah sangat lama, sejak berabad-abad yang lalu. Malah ia mungkin telah sedia ada sama lamanya dengan kemajuan orang Melayu dalam bidang bahasa dan hal berkomunikasi.

Melihat ciri-ciri dan sifat pantun yang banyak memerikan alam Melayu, secara jelas, pantun wajar disahkan sebagai milik manusia Melayu asli tanpa ada pengaruh daripada puisi-puisi luar yang masuk ke alam Melayu kemudiannya. Dan kenyataan ini disebut oleh Pendeta Za'ba di dalam bukunya, *Ilmu Mengarang Melayu* (1962),

Bahkan hingga sekarang ini pun pantun itulah kaedah karangan berangkap yang jati terpakai pada orang-orang Melayu kampung bagi menggambarkan fikiran-fikiran hiba sayu dan warna-warna perasaan yang indah-indah, seperti hal ehwal berkaseh sayang dan pujuk rayu yang lemah lembut antara kekasih dengan kekasihnya.<sup>37</sup>

<sup>35</sup> Kenyataan ini mungkin merujuk kepada genre sastera bersifat tulisan kerana pantun-pantun Melayu yang didokumentasikan secara tulisan hanya tercatat dalam hikayat-hikayat Melayu selepas abad ke 15 (rujuk pendapat Winstedt).

<sup>36</sup> Alex Preminger (ed.), *op. cit.*, hlm 472-472.

<sup>37</sup> Za'ba, 1962. *op. cit.*, hlm 219.

#### 4.3 KONSEP BUDI DALAM FALSAFAH ETIKA MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL

Seperti yang telah dinyatakan di dalam bab pendahuluan, budi merupakan inti kepada sistem falsafah etika masyarakat Melayu tradisional. Ia adalah idea utama yang menggerakkan keseluruhan peribadi Melayu. Budi bicara, budi bahasa dan budi pekerti, tiga ciri rujukan sifat manusia Melayu menampilkan aspek budi sebagai gagasan yang termaktub secara tegas bagi menentukan individu Melayu diterima secara sah menurut norma dan nilai yang ditetapkan oleh sistem dan budaya masyarakat. Tetapi apakah erti dan maksud budi yang sebenarnya?

Bagaimanakah konsep ini dipakai oleh orang Melayu sebagai gagasan utama yang menggerakkan fikiran dan perasaan mereka? Dan bagaimanakah gagasan budi ini timbul dalam peribadi masyarakat Melayu?

Di dalam tulisan R. Paryana Suryadipura, "budi" dikatakan berasal daripada kata Sanskrit yang bermaksud asas-hikmah dan di dalam ilmu kejawen, budi diibaratkan sebagai pelita atau obor, sesuatu yang menerangi jalan kehidupan manusia.<sup>38</sup> Budi juga sering disebut sebagai akal, kebijaksanaan, sifat baik, perbuatan baik, kebajikan, dan daya upaya.<sup>39</sup>

Memanjangkan rujukan kepada kata akar budi iaitu *budh* (Sankrit), konsep budi bertitik tolak daripada falsafah Hindu<sup>40</sup> yang menerangkan bahawa budi mempunyai makna yang lebih dalam dan sangat tinggi unsur kejiwaannya. Konsep budi falsafah Hindu ini menjelaskan dengan lebih teliti tentang maksud

<sup>38</sup> Wan Ab. Kadir Wan Yusoff (penyelenggara), *op. cit.*, hlm 28.

<sup>39</sup> Kamus Dewan Edisi Ketiga, *op. cit.*, hlm 180.

<sup>40</sup> Falsafah Hindu dapat dibahagikan kepada tujuh zaman bermula dari zaman prasejarah yang berlangsung sebelum 2000 SM. Pada zaman Sutra (400SM-500M), sistem pemikiran dan falsafah menjadi lebih teratur dalam bentuk karangan-karangan "sutra" yang ringkas (*composition of short sutra and sayings*). Sekolah-sekolah pemikiran tumbuh dan berkembang. Salah satunya, Samkhya yang diasaskan oleh Kapila (7SM) telah menyatakan proses kelahiran konsep budi dengan teliti.

Richard Osborne, *op. cit.*, 24-25, 56, 62-63.

budi berbanding dengan definisi-definisi budi yang bersifat umum. Pada Zaman Sutra falsafah Hindu, kelahiran konsep budi dinyatakan sebagai;

*It is argued that the world is formed as purusha (spirit or Atman) infuses prakriti (matter or original nature), and that this stimulates the three states of prakriti. These three states, satya (transparency), rajas (activity), tamas (inactivity). These forces interact and play the different parts in the development of prakriti. As prakriti is activated it becomes Buddhi (intellect), out of which individual egos evolve.<sup>41</sup>*

*Prakriti* merupakan entiti dalam diri manusia yang mempunyai sifat aktif dan selalu bergerak, melahirkan unsur-unsur material dan psikis seperti perasaan dan fikiran. *Purusha* adalah prinsip rohani dan kesedaran diri yang apabila berhadapan dengan *prakriti* dapat menyedarkan (*to enlight, to know*) manusia tentang penderitaan yang datang dari dunia materi. Kefahaman dan aplikasi menurut sistem dualisme ini akan mencerahkan kesedaran fikiran dan kudrat manusia menuju kebebasan jiwa tanpa penderitaan.<sup>42</sup>

Kehendak-kehendak diri yang datang daripada keinginan-keinginan (nafsu) akan ditapis oleh sifat intelektual (*manas*) yang menyaring hal-hal yang membawa kepada sama ada kemajuan jiwa atau mahu menuruti kehendak godaan dunia. Ilusi-ilusi keduniaan (*maya*) akan menutup matahati manusia dan membuatkan manusia terjerumus kepada risiko penderitaan dalam hidup dan kehidupan seterusnya (*reincarnation*).

Paling utama, budi disebut sebagai satu sifat dalaman yang terangsang daripada evolusi yang lahir hasil daripada seduhan *purusha* dan *prakriti*, dua hal yang menjadi dasar dalam kehidupan. Pada proses ini disebut juga bahawa ego

---

<sup>41</sup> *Ibid.*, hlm 63-64.

<sup>42</sup> IR Poedjawijatna, *op. cit.*, hlm 106-107.

individu berkembang daripada budi. Oleh itu, tempat budi adalah jauh lebih tinggi daripada definisi atau maksud "akal" atau "kebijaksanaan" semata-mata. Ia merujuk kepada proses gabungan fungsi jiwa yang tertinggi atau *Atman* (*purusha*) dan unsur-unsur murni daripada inti alam secara material dan psikis (*prakriti*). Keadaan ini akan menggerakkan tingkat kemajuan diri menuju kepada kesedaran diri menangani hal-hal mencari kebenaran dan kebebasan jiwa secara total.

Oleh itu, budi bertindak sebagai semangat yang menggerakkan jiwa manusia. Ia berfungsi jauh lebih besar kepada seluruh diri manusia dan tidak hanya berhubungan dengan hal fikiran semata-mata. Budi adalah ilham yang datang dari jiwa kepada sifat dan persepsi diri bagi membentuk peribadi manusia. Ia memberi kesedaran kepada diri manusia untuk menentukan sebarang penilaian secara bijaksana. Dengan rangsangannya yang membuka fikiran dan perasaan menuju kemajuan, budi membawa kepada kebaikan, kebajikan dan kebenaran serta menolak pilihan yang akan memberi risiko penderitaan.

Secara umum, budi dapatlah disifatkan sebagai suatu proses dan keadaan kecerahan jiwa (*enlightenment*) terhadap pengetahuan yang dapat membezakan baik buruk sesuatu sebelum pilihan-pilihan dilakukan terhadap apa-apa tindakan oleh seseorang individu.

*Buddhi* (Sanskrit) [from the verbal root "budh" to awaken, enlighten, know] The spiritual soul, the faculty of discriminating, the channel through which streams divine inspiration from the Atman to the ego, and therefore that faculty which enables us to discern between good and evil - spiritual conscience. The qualities of the buddhic principle when awakened are higher judgement, instant understanding, discriminating, intuition, love that has no bounds, and consequent universal forgiveness.

*Buddhi uses manas (intellect) as its garment, and in the former are likewise stored the fruitages of many incarnations on earth; hence buddhi is often called both the seed and flower of manas. Buddhi is truly the center of spiritual consciousness and therefore its qualities are enduring.<sup>43</sup>*

Ada tiga perkara yang tergabung sebagai unsur-unsur budi: cipta, rasa dan karsa.<sup>44</sup> Cipta bermaksud angan-angan, cita, khayalan, renungan<sup>45</sup> yang terhasil daripada keinginan manusia yang sering ingin lebih tahu daripada apa yang dimiliki terutamanya tentang rahsia alam kehidupan. Demi memenuhi jawaban pertanyaan-pertanyaan yang timbul, maka manusia menggerakkan daya ciptanya atau kebolehan fikirannya untuk menghasilkan sesuatu. Hasil ini disebut sebagai pengetahuan. Dan ini adalah proses-proses disiplin falsafah yang paling dasar, iaitu keinginan-keinginan jiwa manusia untuk mencari sesuatu.

Rasa berlangsung hasil terbukanya kesedaran daripada pengalaman menurut pelbagai dimensi, jasmani dan inderawi yang membawa kepada keakuan terhadap sesuatu.<sup>46</sup> Keakuan yang lahir daripada rasa selalunya menjurus kepada keinginan terhadap hal-hal yang halus atau seni. Maka, rasa itulah yang menimbulkan adanya sifat kesenian dalam diri manusia. Kedua-dua unsur budi ini, cipta dan rasa menghasilkan sesuatu yang disebut karya.<sup>47</sup>

Unsur budi yang ketiga, karsa bermaksud kehendak daya penggerak yang lahir daripada unsur cipta dan rasa. Karsa mendorong manusia memenuhi keinginan hidup untuk mencapai kebahagiaan. Karsa menggerakkan dayanya

<sup>43</sup> G. de Purucker (ed.), *Encyclopedic Theosophical Glossary*. (Theosophical University Press Online) di <http://www.theosociety.org/pasadena/etgloss/etg-hp.htm>

<sup>44</sup> R. Djaka Soeryawan (penyusun), *op. cit.*, hlm 1-3.

<sup>45</sup> *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, *op. cit.*, hlm 242.

<sup>46</sup> Franz Magnis Suseno, *op. cit.*, hlm 130.

<sup>47</sup> R. Djaka Soeryawan, *op. cit.*, hlm 1.

membentuk karya (buah hasil daripada cipta dan rasa) menjadi hal yang lebih besar yang disebut sebagai budaya.<sup>48</sup> Ada pendapat yang mengatakan bahawa perkataan budaya atau kebudayaan asalnya daripada kata jamak perkataan budi itu sendiri.<sup>49</sup>

Secara umum, budaya itu dapat dibahagikan kepada dua bentuk iaitu budaya material dan budaya kerohanian. Namun, kedua-dua bentuk budaya yang dicetuskan oleh tiga unsur budi, cipta, rasa dan karsa membentuk satu sistem pengucapan yang berlangsung secara halus, berseni, penuh adab dan penuh santun. Ini memberi gambaran tingkat kehidupan dengan peribadi yang tinggi bagi penilaian taraf kedudukan masyarakat yang memakainya.

Oleh itu budi merupakan proses yang lebih halus dan bersifat kejiwaan berbanding dengan definisinya daripada aspek fikiran, iaitu akal semata-mata. Konsep budi bertitik tolak daripada jiwa, yang bergabung dengan idea daripada hasil pencerapan akal fikir dan keinginan hati menjawab persoalan alam dan persekitaran manusia. Hasil keadaan ini akan merangsang proses pembangunan fikiran dan perasaan manusia menuju kepada kemajuan kehidupan.

Maka, dapatlah secara mudah, budi itu dirujuk sebagai semangat atau jiwa tertinggi, yang menjadi penyuluhan untuk menyaring fikiran dan perasaan manusia menerusi satu proses kesedaran dan kecerahan batin (*enlightenment*). Hasil tapisan dan saringan ini akan membantu manusia menentukan antara yang gelap dan yang terang, yang kasar dan yang halus. Seterusnya, proses inilah yang dapat difahamkan sebagai penilaian benar atau salah, baik atau buruk, patut atau tidak patut. Dengan adanya budi manusia dapat membezakan sifat-sifat yang terlihat berlawanan (*good and evil*). Manusia yang bijaksana akan memilih sifat-sifat yang dapat membantunya menuju kepada kehendak diri yang

---

<sup>48</sup> *Ibid.*, hlm 2.

<sup>49</sup> *Ibid.*, hlm 1.

menginginkan kembalinya manusia kepada kebebasan jiwa menuju kepada kebenaran mutlak.

*It is only when man realizes the importance of his spirit that he will be able to appreciate this significance and value of imagination. If he goes on drifting, if he considers everything is tentative it will not be possible for him to regard some aspects of human personality as more valuable than another. Thus he will not be able to love the "good" and hate the "evil".<sup>50</sup>*

Dalam falsafah etika masyarakat Melayu, perkembangan budi juga tidak lari daripada turut melalui proses yang sama seperti yang dianjurkan oleh sistem dualisme falsafah Hindu, *purusha* dan *prakriti*. Seringkali, hal-hal yang merujuk kepada hidup dan kemajuan sesuatu makhluk itu ditandai oleh olahan jiwa (*Atman*) yang hidup.

Proses yang sama dalam diri manusia Melayu pada peringkat awal juga mungkin sangat mendekati kaedah ini. Hal ini tidak boleh dinafikan kerana sebelum kedatangan Islam pengaruh Hindu itu sangat dominan di Tanah Melayu sehingga pada suatu waktu, Semenanjung Tanah Melayu sendiri dikenali sebagai *Suvarnabhumi* (Semenanjung Emas). Oleh itu, ada kemungkinan bahawa asas konsep budi di Tanah Melayu tidak dapat lari daripada pengaruh akar kata daripada pemahaman bahasa Sanskrit dan falsafah dualisme Hindu tersebut.

Namun, ada beberapa perkara yang menjadi rujukan menarik dalam melihat evolusi kemajuan falsafah tingkah laku Melayu tradisional, seawal abad ke-14 dan 15, iaitu pada zaman kegemilangan empayar Melayu Melaka umumnya dan manusia Melayu khasnya. Kedatangan dan penyebaran Islam ke

---

<sup>50</sup> Seyed Hossein Nasr, 1982. *Philosophy, Literature and Fine Arts*. (Jeddah: King Abdul Aziz University), hlm vii.

alam Melayu dikatakan membawa satu gaya dan corak kehidupan yang merubah kedudukan dan kelangsungan cara hidup dan budaya Melayu.

Cesar Adib Majul, seorang sarjana Islam di Filipina telah membincangkan berbagai-bagai teori tentang kemasukan dan perkembangan Islam di Alam Melayu. Menurutnya, ada enam rumusan pola/corak yang melihat kepada perdagangan, penyebaran agama Islam oleh pengembang agama, terutama oleh ahli-ahli Sufi dan kumpulan-kumpulan tarekat, dorongan politik akibat persaingan kuasa-kuasa Islam tempatan dengan yang belum Islam, peranan raja-raja, kelebihan ideologi agama Islam dan penentangan kepada kuasa-kuasa Kristian, iaitu Portugis dan Sepanyol.<sup>51</sup>

Kedatangan Islam telah memberi pengaruh yang sangat besar kepada kehidupan masyarakat Melayu. Namun, apabila Parameswara memeluk Islam pada awal abad ke-15, dikatakan bahawa perubahan paling besar mungkin berlaku dalam aspek akidah dan ibadah. Tetapi untuk melihat sama ada seluruh *ethos* dan evolusi tingkah laku berubah secara tidak langsung menurut aspek historikal tidaklah dapat dinyatakan dengan jelas. Hal ini berlaku kerana catatan-catatan tentang tingkah laku dan sikap orang Melayu selalunya dirujuk secara umum dan tidak dihubungkaitkan dengan agama Islam itu sendiri kecuali pada situasi-situasi tertentu seperti soal solat, berpuasa, menunaikan haji serta hal-hal lain yang berkenaan dengan agama.

Di dalam pantun-pantun dan syair Melayu banyak menyebut tentang akhlak yang mulia tetapi jika dikaji secara dalam, sifat-sifat tersebut merupakan sifat universal atau tanggungjawab secara umum (*moral obligation*) menuju kepada soal kebijakan manusia. Bagaimanapun, dalam pantun-pantun Melayu yang diklasifikasikan sebagai pantun agama dan kepercayaan<sup>52</sup> ada menyebut

<sup>51</sup> Taib Osman, 1974. *Asas Dan Pertumbuhan Kebudayaan Malaysia*. (Kuala Lumpur: Kem. Kebudayaan, Belia dan Sukan), hlm 20.

<sup>52</sup> Zainal Abidin Bakar (penyelenggara), *op. cit.*, hlm 61-70.

tentang hal-hal tentang rukun Islam, rukun iman, konsep keTuhanan, Nabi Muhammad s.a.w, syurga neraka, kematian dah hari akhirat. Ada juga pantun-pantun yang cenderung membicarakan persoalan tasawuf (syariat, tarikat, hakikat, makrifat) dan kepentingan ilmu dalam Islam.

Tentang perihal tingkah laku dan kebiasaan sehari-hari yang disebut di dalam pantun tanpa merujuk kepada agama Islam pula diklasifikasikan sebagai pantun adat, resam dan kepercayaan.<sup>53</sup> Berbanding dengan agama Islam, adat resam mempunyai signifikan yang lebih terdahulu dan lebih lama kepada orang Melayu tradisional. Pada empat jenis adat yang dipegang orang Melayu tradisional - adat istiadat, adat resam, adat yang teradat dan adat yang diadatkan. Kedudukan agama Islam berada dalam kelompok yang keempat iaitu agama Islam itu diadatkan ke dalam norma masyarakat menjadi pegangan dan budaya hidup. Hal ini berlaku mungkin disebabkan hubungan agama Islam itu masih baru kepada orang Melayu pada waktu itu sedangkan mereka sudah hidup bersendikan adat resam jauh lebih awal daripada kedatangan Islam ke alam Melayu. Namun dengan kedatangan Islam ke dalam diri manusia Melayu, segala-galanya dalam kehidupan manusia Melayu itu dirujuk secara mutlak kepada dua sumber utama agama Islam iaitu Al Quran dan hadis serta sunnah Nabi Muhammad s.a.w.

Berbuah lebat pohon mempelam,  
Rasanya manis dimakan sedap;  
Bersebarlah adat seluruh alam,  
Adat pusaka berpedoman kitab.<sup>54</sup>

Dari segi bahasa, adat ditakrifkan sebagai peraturan atau perkara yang biasa dilakukan. Merujuk kepada konsep budaya pula, adat bermaksud, peraturan yang telah ditetapkan oleh sesuatu masyarakat yang harus dipatuhi, malah dalam aspek-aspek tertentu adat berfungsi sebagai undang-undang

---

<sup>53</sup> *Ibid.*, hlm 43-60, 71-88.

<sup>54</sup> *Ibid.*, hlm 45.

masyarakat yang tidak tertulis atau termaktub sebagai undang-undang.<sup>55</sup> Adat resam pula sudah tentulah akan mengamalkan sifat-sifat diri dan perlakuan terhadap perkara-perkara secara empirikal. Ia dinilai sebagai prinsip berkebajikan yang dilihat dapat membantu mempertahankan nilai dan norma masyarakat yang telah ditetapkan sejak awal lagi. Sifat-sifat yang dijalankan itu adalah kebiasaan sehari-hari demi menjaga kesejahteraan semua pihak.

Namun, menurut Mohd. Din Ali, pengertian adat kerap kali mengelirukan atau ada salah faham, semata-mata bererti kelaziman, kebiasaan dan tradisi orang Melayu. Perkara ini menurutnya merupakan pemahaman yang tidak seluruhnya benar. Adat, pada satu konteks yang lebih besar merupakan institusi di mana undang-undang dan kebiasaan mengatur sosial, politik dan corak perlembagaan bagi pemerintah hari ini.<sup>56</sup> Undang-undang tersebut pula sering bersandarkan peribahasa dan pepatah-pepatah yang sangat lama dan bernilai.

Dengan bersandarkan adat resam sebagai undang-undang tidak langsung dalam kehidupan masyarakat, manusia Melayu menjalankan kehidupan mereka dengan tatatertib yang disetujui secara tradisi berzaman lamanya. Menurut pendapat Syed Alwi Sheikh al Hadi, orang Melayu terkenal dengan budi bahasa yang lemah lembut dan adab sopan yang mulia dan terpuji, merujuk kepada pegangan resam kehidupan yang sememangnya telah berdiri teguh membentuk peribadi ahli masyarakatnya.

---

<sup>55</sup> Asmad, 1990. *Kesenian Adat, Kepercayaan dan Petua*. (Melaka: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.), hlm 8.

<sup>56</sup> Othaman Ishak, 1992. *Hubungan Antara Undang-undang Islam dengan Undang-undang Adat*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), hlm 73.

Masyarakat Melayu menggunakan bahasa-bahasa halus yang digunakan khas bagi menunjukkan rasa hormat dan tertib dalam kehidupan mereka.<sup>57</sup> Sutan Takdir Alisjahbana pula menyebut tentang sifat manusia Melayu itu sebagai mempunyai kehalusan budi dan tertib adab sopan santun yang semulajadi dan seolah-olah mereka dilahirkan dengan kesempurnaan tersebut.<sup>58</sup> Hal ini sudah tentulah memperlihatkan bagaimana adat resam telah tumbuh subur bertahun-tahun lamanya dan diwarisi oleh manusia Melayu sebagai tanda sempadan pekerti dan peringatan-peringatan secara tradisi menurut kebiasaan berlandaskan undang-undang adat yang telah sedia ada lama dalam kehidupan mereka.

Namun, dalam sifat dan sikap yang seolah-olah lahir sempurna pada diri manusia Melayu, pengaruh Islam tetap memberi kesan yang sangat kuat kepada kelompok manusia tradisional tersebut. Agama Islam yang dianuti seolah-olah mengukuhkan sikap lemah lembut dan santun manusia Melayu yang telah sedia ada. Antara ciri utama ialah hal keimanan, bahawa manusia diseru untuk menyembah dan mengabdi diri kepada Tuhan yang Esa, Allah SWT. Menurut aspek dasar perjalanan tatacara hidup manusia bersendikan syarak yang dirujuk dari kitab Allah iaitu Al Quran. Dari aspek keihsanan, Islam menganjurkan kesederhanaan dan sifat adil kepada pengikutnya. Imbangan kehidupan dunia dan akhirat dijadikan ingatan dengan timbangan-timbangan; berusahalah seolah-olah anda akan hidup seribu tahun lagi dan beribadatlah seolah-olah anda akan mati esok hari.<sup>59</sup>

Dua pegangan utama bagi meneguhkan dasar utama tuntutan budi dalam Islam iaitu akidah, syarak dan akhlak<sup>60</sup> serta kefahaman orang Melayu

<sup>57</sup> Syed Alwi al Hadi, *op. cit.*, hlm vii.

<sup>58</sup> Sutan Takdir Alisjahbana, *op. cit.*, hlm 1-6.

<sup>59</sup> Abdul Halim Othman, *op. cit.*, hlm 104-105.

<sup>60</sup> Mustafa Haji Daud, 1995. *Budi Bahasa Dalam Tamadun Islam*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), hlm 67-72.

terhadap Islam ialah pesanan-pesanan dan peringatan yang bersandarkan Al Quran dan hadis serta sunnah Nabi Muhammad s.a.w.

Al Quran sebagai wahyu dan kalam Allah SWT menjadi sumber seluruh ajaran Islam amnya merujuk kepada prinsip akidah, syarak, dan akhlak.<sup>61</sup> Kedua-dua sumber ini merupakan rujukan utama kepada orang Melayu yang memeluk agama Islam. Al Quran yang berasal dari wahyu Allah SWT kepada Nabi Muhammad s.a.w banyak sekali membicarakan tentang hal-hal yang menyentuh soal akhlak mulia. Malah peringatan-peringatan digariskan dalam pelbagai bidang demi menjaga keharmonian kehidupan bersandarkan kalimat Islam (salam) yang bermaksud sejahtera.

Alif Lam Ra. (Ini adalah) kitab yang Kami turunkan kepadamu supaya kamu mengeluarkan manusia dari gelap gelita kepada cahaya terang bendegan dengan izin Tuhan Yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji.<sup>62</sup>

(Ibrahim: 1)

Determinisme agama Islam dalam hal bersosial dan bermasyarakat sangat menonjol kerana ia banyak mengajar tentang proses hubungan individu dengan manusia lain. Dan ini sudah tentu menjadi gagasan yang melengkapkan sikap manusia Melayu ketika itu yang diketahui mempunyai hubungan kolektif yang erat dalam bermasyarakat. Dari segi pegangan akidah dan kedudukan manusia di sisi Allah SWT pula disandarkan pada ketinggian takwa dan iman, dan bukan merujuk kepada pangkat, harta dan gelaran. Ini sudah tentu memberikan tambahan nilai saksama dalam kehidupan satu individu dengan individu lain menurut hukum syariah yang telah ditetapkan sama rata tanpa mengira darjah keturunan, miskin kaya, raja atau hamba.

<sup>61</sup> Mustafa Haji Daud, *op. cit.*, hlm 53.

<sup>62</sup> *Al Quran dan Terjemahannya*, *op. cit.*, hlm 379.

Berlaku adil terhadap sesama manusia merupakan antara inti utama akhlak yang dianjurkan oleh Islam. Soal adil penting kerana dengan sikap sedemikian, manusia mempertimbangkan kedudukannya sebagai makhluk Tuhan tanpa hambatan dan kongkongan kedudukan dan darjat manusia yang berpunca daripada penguasaan determinisme material.

Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu selalu menjadi orang yang menegakkan kebenaran kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sesekali kebencianmu terhadap sesautu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlakulah adil kerana adil itu lebih dekat dengan takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.<sup>63</sup>

(al Maidah: 160)

Dengan keadilan, manusia akan menikmati nikmat hidup dengan lebih aman kerana tidak ada lagi pemerasan golongan atasan terhadap golongan bawahan. Masing-masing akan cuba mengisi tuntutan melengkapkan (*complement each other*) sebuah masyarakat seperti aur dengan tebing, mengukuhkan kedudukan satu sama lain. Hubungan yang erat ini akan menimbulkan rasa kasih sayang, hormat menghormati dan memperteguh kekuatan ummah, bangsa dan negara.

Persekutaran alam manusia Melayu juga memupuk tingkah laku dan pemikiran manusia Melayu yang sejati.<sup>64</sup> Pantun-pantun yang menghubungkaitkan imej alam dengan kehidupan manusia sebenarnya juga adalah satu penghormatan dan penghargaan manusia kepada alam yang banyak memberi ruang rezeki kepadanya. Ia juga menonjolkan betapa manusia cuba berinteraksi secara adil dan jujur dengan makhluk lain ciptaan Allah SWT

---

<sup>63</sup> *Ibid.*, hlm 159.

<sup>64</sup> Abdul Halim Othman, *op. cit.*, hlm 106.

tanpa ada cubaan manusia mendominasi alam yang banyak menyediakan ruang dan peluang pekerjaan kepadanya.

Dunia itu tampil penuh dengan pelbagai bau, bunyi dan warna: desah hujan yang jatuh pada dedaunan pohon rimba, gemersik kain-kain sutera yang berwarna-warni, derau ombak laut dan permainan sinar bulan pada segi-segi permata dalam kesunyian malam. Lebih penting lagi, dunia tersebut memperkenalkan manusia dengan perasaannya yang bersungguh-sungguh.<sup>65</sup>

Menghargai alam dan segala entitinya samalah juga dengan menghargai hukum sunatullah yang diperturunkan oleh Allah SWT. Sekiranya manusia bersikap degil, tamak haloba dan tidak bertimbang rasa, maka dengan sendirinya wujud kesongsangan putaran alam atau rantai kehidupan terputus. Dengan ini manusia tidak lagi akan dapat merasa nikmat alam yang serba luas dan bebas itu. Begitu disebut di dalam Islam hubungan manusia sesama manusia (*hablunminannas*) itu bukan sekadar merujuk kepada situasi antara manusia. Secara lebih jauh, ia meneroka dunia hubungan manusia yang lebih luas meliputi kehendak manusia berinteraksi dengan alam dan makhluk-makhluk Allah SWT yang lainnya.

*How much was said in a few sentences, bringing home an intimate knowledge which volumes of philosophy, sociology, religion would probably fail to explain. The really ecological attitude, combining a nature mixture of experience, old beliefs, magic, and the more recent religion of Islam to make for a soul where life is in constant communication between all the elements of God's creation. To me, it was a token of great wisdom that a man did not try to catch more fish, for instance, than was actually needed for his family, for the day's hunger, and would not kill an animal or fell a tree without necessity.*<sup>66</sup>

---

<sup>65</sup> V. I Braginsky, *op. cit.*, hlm 286.

<sup>66</sup> Francois-Rene Daillie, *op. cit.*, hlm 6.

Dunia manusia Melayu Islam yang bersederhana tidak memilih untuk menanggung kehendak nafsu tamak haloba. Keperluan-keperluan diaturkan secara sederhana menurut tuntutan kehidupan secara ala kadar.

Hai anak Adam, pakailah pakaianmu yang indah di setiap (memasuki) masjid, makan dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan.<sup>67</sup>

(al A'raf: 31)

Soal pembaziran tidak akan berlangsung, alam dan manusia bertimbang tara memberikan penghormatan diri antara satu sama lain. Hal ini berlaku bukan semata-mata kerana alam itu turut dilihat sebagai mempunyai nyawanya sendiri dalam kehidupan masyarakat tetapi pertimbangan wajar terhadap makhluk ciptaan Allah SWT yang bertimbalbalas dengan manusia Melayu secara luhur.

Dalam melihat dunia manusia Melayu terutama kepada proses pembentukan sikap dan peribadinya sudah tentu merujuk kepada evolusi transformasi masyarakat secara vertikal dan horizontal. Ini kerana kedalaman fahaman fikiran dan perasaan manusia dan luasnya pemakaian idea yang lahir daripada kefahaman tersebut akan cenderung menghasilkan yang terbaik bagi diri individu dan seluruh masyarakat.

Walaupun Islam dilihat sebagai pengaruh besar dan bonus dalam pengukuhan sifat murni manusia Melayu, tidaklah salah untuk mengatakan bahawa resam kehidupan manusia Melayu yang sedia ada itu sendiri telah begitu teguh menjadi landasan menuntun diri menuju kemuliaan dan kesempurnaan hidup.

---

<sup>67</sup> Al Quran dan Terjemahannya, op. cit., hlm. 225.

Seorang ahli antropologi, Robert J. Wolff memperihalkan budaya Melayu dengan kekuahan adat resam dan kewujudan Islam sebagai tunjangnya turut dipengaruhi daripada dua peradaban besar Timur iaitu India dan China.

*Perhaps Malay Culture is like that, it is the cupboard in which are stored all the gifts from other cultures, not arranged in any particular way. There is no connection between the items on one shelf and those on the next - or even linkage among the items on a shelf. But they are all the possessions of one person.*<sup>68</sup>

Bagaimana pula konsep budi berlangsung dengan melihat segala ciri dan pengaruh-pengaruh tersebut yang muncul dalam pemikiran dan perasaan manusia Melayu? Dalam pandangan Islam, manusia dilahirkan sebagai kain putih, menurut semulajadinya (*'ala'l-fitrah*) iaitu kasihan belas Allah,<sup>69</sup> kemudian ibu bapanya yang akan mencorakkan kain tersebut menjadi mana-mana kumpulan manusia dengan pegangan masing-masing. Jiwa manusia Melayu juga adalah dengan keadaan yang sama. Fitrah diri manusia adalah lahir sebagai kejadian jiwa yang murni.<sup>70</sup> Namun, menurut pandangan psikologi Barat, manusia didampingi ciri *id* yang merupakan peribadi dalaman secara biologikal dan psikologikal sejak lahir, menuju kepada tumbuhnya *ego* apabila dewasa dan sikap *superego* yang menumpuk lahir dari tuntutan masyarakat (*authority*) terhadap individu.

Manusia Melayu juga boleh diandaikan melalui keadaan yang sama, menurut pandangan Islam dan Barat tersebut. Tetapi sejaух mana konsep budi yang asal dapat membentuk satu sistem tingkah laku manusia Melayu seperti

---

<sup>68</sup> Taib Osman, 1974. *op. cit.*, hlm 3 - 4.

<sup>69</sup> Lihat D. B MacDonald (1972) dlm Othman Ishak, *op. cit.*, hlm 15.

<sup>70</sup> Fitrah ialah dari perkataan Arab dari kata dasar *f - t - r* dan bererti "Baik hati atau satu cara semulajadi ataupun apa yang dijadikan." Lihat T.P Hughes dalam Othman Ishak, *Ibid.*, hlm 15.

disebutkan oleh para sarjana; lemah lembut, beradab sopan, mulia, jujur, sangat merendah diri, menghormati orang lahir dan sebagainya itu? Sudah tentulah ia bermula daripada jiwa yang murni (*purusha*), bersih daripada segala macam godaan hidup. Namun keinginan-keinginan yang lahir pada sifat kehendak manusia dari fikiran dan perasaan (*prakriti*) akan mengerakkan ia untuk mengetahui sesuatu hal yang dia tidak tahu. Proses psikis ini akan dihadapkan dengan fitrah jiwa yang selalunya suci murni dan berusaha menuju kebaikan.

Pada ketika inilah pertimbangan-pertimbangan terhadap kehendak pilihannya itu akan dirujuk dan direnung dengan sandaran pendidikan dan pengalaman diri. Melalui pendidikan formal, didikan datangnya dari ibu bapa dan guru-guru, manakala ilmu yang tidak formal didapati daripada garapan pancaingeranya sendiri terhadap segala yang berlaku dikeliling. Hal ini sudah tentulah merujuk kepada alam semesta dan manusia yang dihadapinya secara praktik sehari-hari.

Setelah ditapis dengan akal fikiran dan gerak hatinya, manusia Melayu akan membuat pilihan dan melangsungkan pilihan tersebut ke atas dirinya dengan kesedaran terhadap kehendaknya itu. Pada tahap inilah seperti yang disebut Poedjawijatna sebagai kesengajaan-kesengajaan. Bermakna, setiap pilihan yang dilakukan itu adalah sesuatu yang telah ditentukan oleh diri dan dengan bersebab. Kerana itu ia dikatakan sebagai sikap atau hal yang disengajakan kerana menurut kepada pertimbangan-pertimbangan tertentu.

Situasi pertimbangan-pertimbangan ini juga akan merujuk kepada sifat *superego* dalam bentuk kuatkuasa (*authority*) undang-undang dan norma masyarakat yang dipertanggungjawabkan ke atas semua individu. Ini kerana individu yang membuat pilihan itu sudah tentu akan melihat kepada sikap altruisme yang dipegang masyarakat dan sebarang pemilihan tersebut sedikit

sebanyak akan memberi kesan kepada manusia-manusia lain yang berada disekitarnya.

Apabila rantai masyarakat tergugat dengan sifat tidak baik atau songsang, akan berlakulah ketidakharmonian dalam udara masyarakat yang terlibat. Kerana itu ada beberapa peribahasa Melayu yang merujuk kepada hal sedemikian; kerana nila setitik, rosak susu sebelanga. Kehendak dan pilihan yang ditandai dengan baik akan memberikan balasan kepuasan emosi dan kepuasan fikiran. Dan keadaan ini akan memberikan nilai yang lebih tinggi terhadap individu tadi dengan peningkatan martabat diri yang lebih baik, secara lahiriah dan batiniah, pada dirinya dan juga masyarakatnya.

Dan aku tidak membebaskan diriku (dari kesalahan), kerana sesungguhnya nafsu itu selalu menyuruh kepada kejahanatan, kecuali nafsu yang diberi rahmat oleh Tuhan. Sesungguhnya Tuhan Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.<sup>71</sup>

(Yusuf: 53)

Kadang kala ada juga keadaan yang memperlihatkan bahawa manusia Melayu yang ter dorong kepada keinginan-keinginan yang menempelak (*nafs' lawammah*) dirinya sendiri atas pilihan-pilihan yang dibuat. Dengan mengikut pilihan nafsu yang tidak baik, kejahananlah yang menjadi akibatnya, sama ada dalam jangka masa pendek maupun yang lebih panjang (pembalasan di akhirat). Dia akan beroleh peringatan-peringatan setelah perkara tidak baik timbul akibat dari pemilihan yang tidak hati-hati, berpandukan materi dan pandangan fizikal semata-mata. Dan disebabkan tinggal dalam kelompok manusia yang rapat ahli masyarakatnya, hal-hal yang tidak baik itu akan dikenang dan disebut orang bertahun-tahun lamanya. Ia bukan lagi semata-mata penghinaan terhadap individu yang bersalah tetapi sebagai peringatan kepada yang lain.

---

<sup>71</sup> Al Quran dan Terjemahannya, op. cit., hlm 357.

Manis sungguh si gula kabung,  
Hendak wangi dicampur santan;  
Bukan salah ibu mengandung,  
Salah nasib permintaan badan.<sup>72</sup>

Oleh yang demikian, sifat-sifat yang membawa kepada penderitaan sudah tentu akan cuba dielakkan bagi mengurangkan risiko untuk berhadapan dengan akibat yang tidak baik. Risiko untuk mengundang mara bahaya dalam hidup akan membuatkan manusia hilang pertimbangan pada peringkat akhir. Ini kerana hukuman dalam bentuk langsung dan tidak langsung sudah termaktub dalam norma-norma masyarakat bahawa dengan merujuk garis-garis sempadan terhadap sejauh mana sesuatu perkara itu harus dilangsungkan.

Jika perkara ini dilanggari atau terus tidak diendahkan, manusia Melayu akan menerima hukuman atau *stigma* dengan kebarangkalian untuk disingkirkan daripada masyarakat. Sebagai kelompok yang biasa hidup dalam rukun masyarakat yang sangat mementingkan kewujudan setiap ahli masyarakatnya dengan nilai baik, patut dan betul yang tertinggi, manusia Melayu sudah tentu tidak akan mengambil risiko untuk memilih hal-hal yang tidak baik.

Sejak berzaman, orang Melayu tinggal dalam masyarakat yang bulat muafakatnya telah menzahirkan udara harmoni dalam kehidupan. Kesedaran diri untuk membentuk hidup berhati-hati dan menjaga kepentingan satu sama lain seperti aur dengan tebing sangat mendukung pemikiran masyarakat Melayu lama dalam menjalankan tanggungjawab ke atas diri masing-masing. Oleh itu sekiranya berlaku onar disebabkan kesalahan-kesalahan tertentu oleh individu, hukuman-hukuman pasti dijalankan demi keadilan dan perpaduan seluruh masyarakat. Namun begitu, kesedaran dan pencegahan peringkat awal menjadi ubat pahit yang memberi kelebihan bagi mengatasi risiko penderitaan dalam kehidupan dari peringkat awal lagi.

---

<sup>72</sup> Sekalung Budi Seuntai Bahasa, op. cit., hlm 123.

Maka, peringatan-peringatan bersifat pesanan-pesanan mendidik yang sangat halus seperti yang tersebut di dalam pantun Melayu itulah yang mendominasi *superego* dalam bentuk literal lisan masyarakat yang sangat teguh. Ia begitu signifikan dan hidup kekal dipakai masyarakat Melayu tradisional dalam menjaga kepentingan bersama. Jiwa manusia Melayu yang bermula daripada individu yang menjadi rantai kepada individu lain akan membentuk seluruh masyarakat yang tumbuh subur dengan tenteram dan menjalani kehidupan dengan aman dan harmoni.

#### 4.4 ORIENTASI BUDI DALAM FALSAFAH ETIKA MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL: SATU KAJIAN BERDASARKAN PANTUN MELAYU

Seperti kebanyakan puisi lama yang menjadi teks filsosofikal tamadun dunia Timur, pantun juga menyerahkan unsur-unsur istimewa sebagai rujukan falsafah etika manusia Melayu tradisional. *Bhagavad Gita* menerangkan tentang prinsip kehidupan yang memberi tumpuan total kepada unsur pembawaan diri, bertingkah laku ataupun menjalankan tanggungjawab moral terhadap diri sendiri dan masyarakat.<sup>73</sup> Falsafah Confucius pula sangat menekankan kebijakan dan moraliti (*filial piety*) dalam konsep *ren* (*human heartedness*). Maka tidak dapatlah dipisahkan jiwa dan semangat manusia Timur itu dengan kesukaan dan kecenderungan untuk menjalani perilaku kehidupan yang betul, baik dan patut menurut kod etika atau moral yang telah ditetapkan. Hal ini direalisasikan dengan pelaksanaan satu peradaban negara masing-masing yang penuh santun dan teratur menuruti norma masyarakat sedia ada.

Apakah yang dapat dicari dan dibicarakan sebagai falsafah etika masyarakat Melayu tradisional itu? Dalam bab-bab terdahulu dan sub bab judul kajian ini, budi telah dinyatakan dengan jelas menjadi gagasan, idea utama dan inti kepada sistem falsafah etika masyarakat Melayu. Begitu banyak pantun-pantun Melayu yang dikaji bagi tujuan pembuktian ini, beribu-ribu daripadanya telah didapati membicarakan fungsi budi dalam permainan kata-kata dan maksud seluruhnya. Di dalam pantun-pantun ini, manusia Melayu telah memaparkan dengan teliti kepentingan budi sebagai perkara atau simbol dengan penilaian tertinggi dalam masyarakatnya.

Pantun Melayu yang menggunakan orientasi budi tidak hanya menyebut kalimat ini dalam pembawaan dan pemakaian kata secara literal namun ia wujud dalam hampir seluruh ciptaan pantun-pantun Melayu lama. Klasifikasi pantun yang pelbagai walaupun tanpa menyebut perkataan bukti sebagai

<sup>73</sup> Rujuk Bab 2 (sub bahagian berjudul Falsafah Timur) yang menerangkan tentang konsep-konsep moral (termasuk *dharma*) yang disebut di dalam *Bhagavad Gita*.

pemilihan diksinya masih tetap menyerapkan unsur dan proses budi. Namun, pantun dalam klasifikasi pantun budi sering dianggap paling popular bagi menjelaskan dominasi kata dan gagasan budi tersebut. Pantun-pantun ini selalu dirujuk sebagai pantun-pantun dalam kelas atau tingkat martabat paling tinggi kerana ia melihat kedudukan peribadi manusia Melayu. Maksud budi yang wujud dalam pantun-pantun tersebut selalu dihubungkan dengan ikatan atau amanah yang berat yang harus dikandung sepanjang kehidupannya dan ikatan itu dibawa hingga ke mati.

Jentayu si burung jentayu,  
Hinggap mari di pohon mayang;  
Bunga kembang akhirnya layu,  
Budi baik tidak 'kan hilang.<sup>74</sup>

Anak haruan limpa-limpa,  
Mati ditimpa punggur berdaun;  
Budi tuan kami terima,  
Jadi kenangan bertahun-tahun.<sup>75</sup>

Bunga melati bunga di darat,  
Bunga seroja di tepi kali;  
Hina besi kerana karat,  
Hina manusia tidak berbudi.<sup>76</sup>

Kalau berladang menanam keladi,  
Keladi dibawa ke tanah seberang;  
Kalau dagang pandai berbudi,  
Sampai mati dikenang orang.<sup>77</sup>

Kedudukan budi dalam sistem falsafah etika manusia Melayu tradisional menggariskan kesedaran tanggungjawab dalam diri manusia terhadap apa yang dihadapkan kepadanya sewaktu melalui fasa-fasa kehidupan. Ini sudah tentu merujuk kepada hubungan amanah manusia Melayu dengan Allah SWT dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai hamba dan khalifah dalam kegiatan seharian mengisi kehidupan di atas muka bumi. Peranan yang

<sup>74</sup> *Sekalung Budi Seuntai Bahasa*, op. cit., hlm 26.

<sup>75</sup> *Ibid.*, hlm 19.

<sup>76</sup> *Ibid.*, hlm 23.

<sup>77</sup> Zainal Abidin Bakar (penyelenggara), op. cit., hlm 81.

dimainkan oleh budi tidak lain adalah rujukan terhadap kesedaran terhadap peringatan bagi perkara-perkara yang patut dan harus dilakukan dalam mempertahankan nilai diri manusia mulia berjiwa murni. Dia akan menjadi manusia yang berpengetahuan, dapat membezakan yang baik dan yang buruk serta menjalankan segala perintah Allah SWT sepenuhnya. Keadaan ini meletakkan manusia Melayu pada jalan menuju kesempurnaan setelah berjaya melaksanakan tanggungjawab memakmurkan keadaan diri dan mukabumi yang dihuninya.

Ada pantun yang tidak diklasifikasi sebagai pantun budi seperti pantun kias ibarat dan perumpamaan tetapi masih tetap juga membicarakan fungsi dan orientasi budi. Walaupun begitu, cara pemaparan, orientasi dan manifestasi budi dalam menyampaikan kata dan maksudnya sangat tersirat dan tidak dapat dibaca secara hubungan maujud atau kurang difahami secara literal. Selalunya orang harus mencari maksud permainan budi dalam kias ibarat yang sangat halus seni bahasanya dengan pemakaian metafora dan analogi yang membentuk satu maksud idea atau gagasan yang lebih tersirat. Ia kadang kala tidak merujuk kepada simbol-simbol pemerian secara jelas tetapi memaparkan kepada perlambangan-perlambangan unsur makrokosmos dan mikrokosmos sebagai pemahaman maksud seluruhnya.

Berburu ke padang datar,  
Mendapat bunga berbelang kaki;  
Berguru kepalang ajar,  
Bagai bunga kembang tak jadi.<sup>78</sup>

Bintang tujuh tinggal enam,  
Jatuh sebiji di Majapahit;  
Hilanglah sepuh tampaklah senam,  
Itulah tanda emas tak baik.<sup>79</sup>

<sup>78</sup> *Ibid.*, hlm 173.

<sup>79</sup> *Ibid.*, hlm 180.

Namun begitu, kepada manusia Melayu tradisional, hal ini tidaklah menjadi satu masalah yang besar. Ini kerana dalam tutur bicara dan kehidupan manusia Melayu itu sendiri begitu banyak bersulamkan kata-kata hikmah dari kias ibarat yang memberi gambaran-gambaran tersurat alam Melayu untuk diperhatikan. Selalunya, ia merujuk kepada pepatah dan peribahasa yang diambil sebagai maksud bagi gugusan pantun yang diucapkan.

Begitulah hubungan dan kedudukan budi dalam pantun yang mencatat tentang diri manusia Melayu tradisional. Ia diletakkan pada martabat tertinggi dalam sebuah sistem etika masyarakat. Ini kerana budi itu meluncur keluar dari kesedaran dan kesebatiannya dengan jiwa murni. Ia bukanlah semata-mata rujukan peringatan-peringatan fikiran dan perasaan yang disaring, tetapi paling penting menjadiimbangan-imbagan penting yang dibawa oleh peribadi manusia Melayu dalam meniti titian hidup.

Di dalam dunia materialistik, harta, kuasa dan pangkat menjadi taruhan simbol peradaban dengan nilai tinggi. Jika determinisme material ini menjadi tuntutan kehidupan, sudah tentulah budi akan tercampak ke tepi. Orang akan lebih memilih emas dan harta, kuasa dan gelar pangkat serta menolak budi.

Dalam pantun-pantun Melayu memang ada disebut tuntutan sedemikian tetapi ia adalah sebuah hubungan psikologi terbalik (*reverse psychology*) yang diucapkan dengan kesedaran jiwa Melayu yang selalu merendah diri. Ia bukanlah menampilkan kalahnya sifat budi kepada emas, pangkat dan kuasa. Situasi ini tidak lain hanyalah basa basi yang merupakan satu kesedaran jiwa, memujuk diri terhadap kegagalan atau kecundangnya diri terhadap hal-hal yang benar-benar diharapkan, dengan contoh utama seperti yang terdapat dalam pantun tentang soal percintaan.

Apa ada kepada paya,  
Dalam tidak tohor pun bukan;  
Apa ada kepada saya,  
Harta tidak mahsyur pun bukan.<sup>80</sup>

Puas saya bertanam ubi,  
Nanas juga dipandang orang;  
Puas sudah kutabur budi,  
Emas juga dipandang orang.<sup>81</sup>

Semenjak kentang yang jadi gulai,  
Ubi tidak bersama lagi;  
Semenjak wang jadi pemakai,  
Budi tidak berguna lagi.<sup>82</sup>

Namun, sebagai orang Melayu beragama Islam, ajaran-ajaran dan tuntutan agama mengajarkan bahawa kekayaan dunia itu tidak dapat dibawa mati, maka apakah lagi yang akan tinggal sebagai bekalan manusia menemui TuhanYa. Ibadah, sedekah dan amal jariah yang dilangsungkan semasa hidup itulah yang akan diperhitungkan dan bukannya kepada materi-materi dunia yang bersifat sementara.

Di sinilah fungsi utama kesedaran jiwa untuk kembali kepada fitrah manusia dijadikan Allah SWT, tidak lain adalah untuk sujud dan menyembahNya. Malah kehadiran manusia di muka bumi ini juga adalah dengan tujuan mewujudkan kemakmuran yang berdasarkan keadilan dan kesamarataan. Harta dunia adalah antara ujian dalam kehidupan. Inilah juga yang disentuh dalam konsep *purusha* dan *prakriti* yang sangat mementingkan kesedaran manusia kepada pengaruh-pengaruh keduniaan bersifat ilusi yang sering membawa kepada kerosakan jiwa. Mereka yang cenderung kepada harta yang bersifat sementara ini, maka rosaklah ia, seperti pepatah Inggeris, *money is the root to evil*.

<sup>80</sup> Petikan pantun dari filem "Seri Mersing."

<sup>81</sup> Zainal Abidin Bakar (penyelenggara), *op. cit.*, hlm 85.

<sup>82</sup> *Ibid.*, hlm 86.

Halia ini tanam-tanaman,  
Di barat sahaja akan tumbuhnya;  
Dunia ini pinjam-pinjaman,  
Akhirat juga akan sungguhnya.<sup>83</sup>

Kulit lembu celup samak,  
Mari buat tapak kasut;  
Harta dunia janganlah tamak,  
Kalau mati tidak diikut.<sup>84</sup>

Sebagai obor yang menerangi kegelapan diri manusia Melayu, budi bertindak dengan memberikan kesedaran terhadap pilihan-pilihan yang menuju kepada kebajikan jiwa manusianya. Oleh itu, jiwa yang murni sudah tentu akan memilih kepada jalan kebaikan bukan sekadar untuk mengisi tuntutan fitrah diri, tuntutan agama dan juga makhluk lain yang hidup bersamanya, bermasyarakat. Jiwa yang mendapat jalan pencerahan sudah pasti akan dapat memikirkan fungsi utama dirinya dizahirkan di mukabumi ini. Determinisme material tidak menjadi tuntutan kehidupan selain menjadi bekalan untuk membuat amal kebajikan yang lebih banyak. Inlah sebenarnya antara fungsi budi iaitu proses mengembalikan manusia pada dengan obor menelusuri jalan terang yang akan membawanya kepada pengisian amanah yang telah dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT.

Keadaan budi ini seterusnya dapat dirujuk dalam mengisi nilai-nilai sesebuah falsafah etika yang lengkap. Pertamanya, kerana ia menuruti maksud pengisian nilai instrumental dalam disiplin falsafah etika yakni hubungan jiwa yang saling melengkapi dalam menjalankan fungsi akal dan *qalbu* bagi melahirkan fikiran dan perasaan yang harmoni. Ini juga sudah tentu akan menggerakkan peribadi mulia dalam semua keadaan secara baik bagi melengkapi kehidupan bermasyarakat, terutamanya dalam hubungan

<sup>83</sup> *Ibid.*, hlm 63.

<sup>84</sup> *Ibid.*, hlm 63.

masyarakat Melayu yang bersifat kolektif dan mengamalkan metodologi altruisme itu. Jika di dalam sebuah masyarakat kecil seperti manusia Melayu itu ada jiwa yang mempunyai sifat kejahanatan, maka keadaannya pastilah menggugat hubungan ahli masyarakatnya. Apabila semua orang dapat melengkapkan dirinya dengan sifat-sifat kebaikan yang telah dipersetujui bersama, baharulah kesejahteraan akan berlangsung dengan jayanya dalam masyarakat tersebut.

Nilai yang mengukur erti budi yang halus dalam diri manusia Melayu menurut sifat jiwanya yang murni harus melihat aspek intrinsik yang memberi gambaran dalaman batin masyarakat Melayu. Nilai intrinsik berperanan yang sangat tinggi dalam membicarakan tentang falsafah etika masyarakat Melayu. Kepentingan niat dari jiwa yang murni itu akan memberikan impak kepada kelangsungan tingkah laku masyarakat. Kesedaran jiwa yang merujuk kepada sebab-akibat akan memperlihatkan bahawa dalam Islam sesuatu itu harus dimulai dengan niat. Proses hidayah dari *qalbu* pula memberi jaminan intuisi yang kukuh untuk melangsungkan niat tersebut. Sudah pasti nilai intelek akal budi dan hati budi akan memperuntukkan niat yang baik yang membawa kepada kejayaan bersifat kebajikan. Namun, segala-galanya dipertaruhkan kembali kepada Allah SWT yang Maha Mengetahui. Kadangkala, niat yang baik pada peringkat awalnya selalu juga berkecenderungan untuk menerima pengaruh nafsu-nafsu yang tidak baik. Dalam keadaan ini, kepada Allah SWT manusia memohon petunjuk dan bertawakal supaya niatnya itu kekal pada jalan kebajikan.

Tiup api embun berderai,  
Patah galah haluan perahu;  
Niat hati tak hendak bercerai,  
Kehendak Allah siapa tahu.<sup>85</sup>

---

<sup>85</sup> Kurik Kundi Merah Saga, op. cit., hlm 384.

Jiwa yang telah mempunyai kesedaran (*consciousness of inner self*), dan berkemampuan untuk memilih jalan kebenaran, sudah tentulah akan dapat mencetuskan niat yang baik dalam setiap usaha dan tindak tanduknya. Dengan berpandukan kekuatan akal dan hati, nilai intrinsik menerajui kedudukan awal dalam pencetusan tingkah laku atau sistem etika masyarakat Melayu tradisional. Antara persoalan yang sering diutuskan dalam proses mengenang budi banyak sekali merujuk kepada kedudukan budi di hati atau perasaan manusia Melayu. Justru itu, nilai intrinsik yang tercetus dari rasa hati (*qalbu*) bolehlah difahami sebagai cetusan ciptaan jiwa manusia menuntut ciri karsa atau kehendak dalam proses memilih jalan kebaikan.

Proses kelangsungan tingkah laku menurut nilai etika pula adalah daripada pilihan-pilihan yang dicetuskan oleh niat manusia yang lahir dari sifat intrinsik tadi. Ia harus pula ditapis dengan proses intelektual yang disandarkan kepada akal (*manas*)<sup>86</sup>. Bagaimanapun hal ini dapat dikaji pula dengan satu peribahasa Melayu; padang perahu di lautan, padang hati di fikiran. Keadaan ini yang ditampilkan dalam peribahasa ini mungkin merujuk kepada situasi hati yang sering dikaitkan dengan emosi yang sering berubah-ubah.

Tuhan telah menganugerah manusia akan akal, maka ia bukan sekadar *intelligent*, ia adalah segala potensi rohaniah yang memiliki pelbagai kemampuan berfikir, menyedari, menghayati, mengerti, mengetahui, dan memahami, yang kadangkala bersifat teoritis dan praktis, yang semuanya berpusat di otak. Semua kualiti ini dipengaruhi oleh faktor luaran yang melahirkan cara berfikir tersusun, berstruktur, dan memiliki kesedaran, tetapi kesedaran bukan berpusat di otak, ia berpusat di hati (*qalbu*).<sup>87</sup>

Namun, kepada orang Melayu yang memakai gagasan falsafah budi, intuisi atau gerak hati memainkan peranan yang sama penting dengan

<sup>86</sup> Rujuk definisi "budi", hlm 167.

<sup>87</sup> Wan Ab. Kadir Wan Yusof (penyelenggara), *op. cit.*, hlm 30

akal fikiran. Berbanding dengan sistem falsafah secara umum dari Barat dan falsafah etikanya, banyak sekali sandaran tersebut merujuk kepada kaedah *empiricism*<sup>88</sup> atau *rationalism*<sup>89</sup> iaitu kepentingan pemikiran bersifat empirikal dan rasional akal yang dituntut dalam kelangsungan penerimaan sesuatu ilmu sebagai benar. Manakala dalam dunia falsafah Timur dan Melayu Islam, dominasi gerak hati itu juga sangat dituntut, apalagi dalam Islam, konsep hidayah itu sinonim dengan terbukanya pintu hati, didatangkan seruan bersifat kebijakan dan kebaikan kepada *qalbu* manusia. Dalam menurutkan konsep budi Melayu, aspek intelek ini dirujuk sebagai akal budi dan hati budi. Walaupun ia lebih berupa hal yang abstrak, tidak terjangkau oleh pancaindera yang lima tetapi ia mempunyai signifikan dalam pembentukan jiwa manusia. Menurut Al-Ghazali,

Ketahuilah olehmu bahawa sesuatu yang tidak dirasakan oleh pancaindera boleh juga dikira indah dan baik. Ketika orang berbicara baik tentang akhlak mulia maksudnya adalah pengetahuan, kecerdikan, budi bahasa keberanian, iman kukuh, kemurahan hati, dan lain-lain sifat baik.<sup>90</sup>

Justru, dalam sifat utama orang Melayu, tingkah laku yang terungkap pada zahir dirujuk sebagai sesuatu yang datang bersandarkan akal budi dan hati budi. Ia merujuk kepada definisi budi dengan mempunyai kekuatan maksud yang sama iaitu satu proses kesedaran (*self consciousness*) yang sangat halus menggerakkan keinginan atau niat. Di dalam pantun-pantun Melayu, banyak sekali dapat ditemui hubungan fikiran dan perasaan yang seimbang, walaupun manifestasi hati itu sangat cenderung dimainkan secara emosional terutamanya dalam pantun-pantun percintaan.

<sup>88</sup> *Empiricism* - kaedah pengujian atau pencarian ilmu pengetahuan yang bersandarkan kepada pemerhatian, percubaan-percubaan (*experiments*) atau merujuk kepada hal-hal yang praktik. *New World Dictionary*, *op. cit.*, hlm 458.

<sup>89</sup> *Rationalism* - satu prinsip atau praktik yang menerima alasan-alasan akal sebagai satu-satunya authority dalam menentukan pendapat seseorang atau sebab berlakunya sesuatu aksi. *Ibid.*, hlm 1179.

<sup>90</sup> V I Braginsky, *op. cit.*, hlm 6.

Air dalam bertambah dalam,  
Hujan di hulu belumlah teduh;  
Hati dendam bertambah dendam,  
Luka dahulu belumlah sembuh.<sup>91</sup>

Hari minggu pergi ke panggung,  
Dengar cerita anak dewa;  
Hati rindu tidak tertanggung,  
Kalau tak mati menjadi gila.<sup>92</sup>

Akal budi pula banyak ditampilkan dalam pantun-pantun yang bercorak pendidikan, nasihat dan adat resam. Ia banyak berbentuk pesanan-pesanan ilmu dan pengajaran yang harus ditimba oleh diri manusia sebagai pengetahuan dalam kerja-kerja dan rutin sehari-hari.

Tetak parang ke dahan sena,  
Belah buluh taruhlah temu;  
Barang kerja takkan sempurna,  
Bila tidak menaruh ilmu.<sup>93</sup>

Air jernih sajaknya landai,  
Jalan raya titian batu;  
Berunding cerdik dengan pandai,  
Faham dua menjadi satu.<sup>94</sup>

Namun, ternyata kedua-duanya fungsi akal budi dan hati budi ini boleh sahaja bertimbang-balas kerana manusia Melayu Islam memerlukan sifat-sifat tersebut bagi membantunya memilih dan menuju jalan yang benar.

Ini disebabkan hanya dalam karya *belles-lettres*, perasaan dan fikiran yang tampil dalam penjelmaan dan nuansa yang selalu berubah-ubah dan bersilangan membentuk sebuah perpaduan yang tidak dapat dipecahkan. Perpaduan ini boleh disebut sebagai emosi yang *intellectualized* atau idea yang *emosional*.<sup>95</sup>

<sup>91</sup> *Kurik Kundi Merah Saga*, op. cit., hlm 297.

<sup>92</sup> *Ibid.*, hlm 596.

<sup>93</sup> Zainal Abidin Bakar (penyelenggara), op. cit., hlm 137.

<sup>94</sup> *Ibid.*, hlm 138.

<sup>95</sup> V. I Braginsky, op. cit., hlm 288.

Segala maksud keindahan budi yang terdapat di dalam pantun-pantun Melayu memaparkan nilai estetika yang tinggi dan halus dalam diri manusia Melayu. Seperti yang disebut oleh Al-Ghazali dalam konsep keindahannya,<sup>96</sup> bahawa maksud yang mujarad itulah yang jauh lebih penting daripada cerapan maujud oleh pancaindera. Ini adalah kerana nilai keindahan itu terlihat sebagai orientasi jiwa yang murni, luhur dan ikhlas manusia Melayu dalam mengatur tingkah laku dan peribadi diri.

Dalam menilai aspek estetika manusia Melayu yang merujuk kepada perlakuannya, sudah tentulah dapat dirujuk kepada penyusunan kata-kata yang tertib dan teratur dalam pantun-pantun yang dipakai oleh manusia Melayu. Penilaian bahasa dalam bentuk pemilihan diksi, ciri-ciri luaran yang terdapat dalam peraturan pantun Melayu sudah seringkali dilihat sebagai karya sastera yang asli dan tinggi mutunya.

Justeru keindahan itulah yang mesti disampaikan kepada pembaca oleh karya sastera klasik dengan cara-cara tersendiri, misalnya melalui keindahan luaran sebagai bentuk, isyarat dan petunjuk.<sup>97</sup>

Peraturan keindahan gugusan sesebuah pantun terletak pada struktur bahasa, bentuk dan ciri-cirinya seperti rima, jeda dan sifat-sifat semukur, sejodoh, timbang tara yang lengkap menurut peraturan hukum alam (*law of nature*) secara jelas. Hukum dan perlambangan inilah yang terpapar pada akhlak peribadi Melayu. Ketulusan dan keluhuran sesebuah pantun melambangkan sistem etika yang penuh adab, murni dan menuju kebenaran. Sifat dan niat dalaman yang tercetus dari jiwa yang sejahtera sudah tentu akan melahirkan individu yang baik dan elok pekertinya. Di sinilah letaknya budi luhur manusia Melayu dalam pantun dan diri bagi menentukan pembawaan peribadi

---

<sup>96</sup> Rujuk sub-bab Metodologi Kajian di Bab Pengenalan.

<sup>97</sup> V. I Braginsky, *op. cit.*, hlm 6.

dan jati diri. Kesedaran untuk melangsungkan budi yang baik dalam diri akan membawa kepada kesejahteraan hidup bermasyarakat. Orang Melayu yang berbudi jauh lebih tinggi kedudukannya daripada mereka yang berpangkat, bergelar dan berharta. Hatta, jika mempunyai kepandaian sekalipun tetapi tidak digunakan pada jalan kebaikan, maka keelokan sikap dan tingkah laku manusia budimanlah yang dikenang orang.

Pilih-pilih tempat mandi,  
Pertama teluk kedua pantai;  
Pilih-pilih tempat menjadi,  
Pertama elok kedua pandai.<sup>98</sup>

Batang betik di tepi pagar,  
Buah rambutan merah berseri;  
Orang baik tak payah diajar,  
Duri di hutan tajam sendiri<sup>99</sup>

Akhir sekali dalam menentukan sistem etika itu menjadi lengkap sebagai perlakuan yang membawa manusianya ke jalan yang benar ialah dengan melaksanakan segala tingkah laku menurut tatacara yang berlandaskan budi secara praktik. Dalam Islam, cetusan niat yang baik sahaja sudah menjanjikan ganjaran pahala walaupun belum dilangsungkan maksud niat tersebut menurut aksinya. Tetapi jika aksi yang dipancarkan oleh tingkah laku itu mengisi niat baik tersebut, maka secara total manusia itu sudah melengkapkan proses tingkah laku secara sempurna.

Aksi yang dilangsungkan secara praktik sebagai tingkah laku haruslah mengikut sistem etika yang disetujui, sama ada yang dituntut agama, budaya dan norma masyarakat tempat seseorang individu itu tinggal. Sebagai orang Melayu, praktik tingkah laku haruslah selaras dengan segala turutan yang diberi garis panduan hukum syarak yang bersumberkan al Quran, sunnah dan hadis Muhammad Rasullullah. Dalam al Quran, terdapat banyak ayat yang

---

<sup>98</sup> Zainal Abidin Bakar (penyelenggara), *op. cit.*, hlm 151.

<sup>99</sup> *Ibid.*, hlm 187.

memberi tumpuan kepada soal akhlak dan sifat-sifat keinsanan manusia untuk dipakai dalam hidup manusia.

Dan janganlah kamu berjalan di muka bumi ini dengan sompong, kerana sesungguhnya kamu sekali-kali tidak dapat menembus bumi dan sekali-kali kamu tidak akan sampai setinggi gunung.<sup>100</sup>  
(al isra': 37)

Manakala sunnah Nabi Muhammad s.a.w pula dijadikan rujukan kerana terdapat hadis sahih yang menyatakan bahawa perilaku Nabi Muhammad s.a.w itu mempamerkan segala keindahan akhlak yang tercatat di dalam Al Quran. Maka, sempurnalah rangkaian sistem falsafah etika manusia Melayu secara menyeluruh, bersandarkan tuntutan Islam dan adat resam yang menjadi dua kaedah utama pembentukan diri masyarakat Melayu dengan ditandai budi sebagai inti utama gagasan falsafah etikanya.

---

<sup>100</sup> *Al Quran dan Terjemahannya*, op. cit., hlm 429.

Manusia Melayu Islam pastilah mengaitkan segala-galanya tentang kehidupan mereka di muka bumi ini sebagai menjalankan tanggungjawab diri sebagai hamba yang tunduk dan sujud kepada Allah SWT. Rahmat kasih sayang Allah SWT menjadikan manusia sebagai sebaik-baiknya kejadian di mukabumi ini. Selain itu manusia juga berfungsi sebagai pemimpin yang menjalankan segala hukum Allah dalam ertikata berusaha untuk mengisi kemakmuran di atas dunia ciptaan Allah. Dengan kurniaan akal fikir, manusia menggerakkan kewujudannya daripada seorang individu yang bertanggungjawab atas diri sendiri dan masyarakat. Akhirnya sifat ini akan membantu menubuhkan negara bangsa yang mengendalikan budaya dengan peradaban yang tinggi dalam lingkungan garis sempadan negara, penduduk dan seluruh isinya. Dan seluruh proses itu tidak lain adalah berlandaskan hukum-hukum syarak yang diturunkan Allah SWT dalam kitab Al Quran dengan Nabi Muhammad s.a.w sebagai penuntun manusia ke jalan yang benar.

Menanam kelapa di Pulau Bukum,  
Belum sedepa sudah berbuah;  
Adat bermula dengan hukum,  
Hukum bersandar di kitab Allah.<sup>101</sup>

Kalau jagung kulitnya putih,  
Tidak berbunga masa berbuah;  
Di laut Temenggung di darat Perpatih,  
Adat berpunca di kitab Allah.<sup>102</sup>

Namun begitu, manusia Melayu juga percaya bahawa dunia tempat mereka diam dan meneruskan kehidupan bukanlah sesuatu yang kekal. Sebagai rukun iman, manusia Melayu harus mengakui bahawa ada satu lagi dunia di negeri akhirat yang akan menjadi tempat kekal abdi bagi segala-galanya.

<sup>101</sup> Zainal Abidin Bakar (penyelenggara), *op. cit.*, hlm 44.

<sup>102</sup> *Ibid.*, hlm 47.

Dan tiadalah kehidupan di dunia ini, selain dari main-main dan gurau senda belaka. Dan sungguh kampung akhirat itu lebih baik bagi orang yang bertakwa. Maka tidakkah kamu memahaminya?<sup>103</sup> (al An'am:32)

Maka, wujudlah sandaran-sandaran yang membawa kepada peringatan-peringatan terhadap kehidupan yang bersifat sementara di dunia ini. Dalam Islam, rukun Islam dan rukun iman diperturunkan kepada manusia sebagai *pillars of faith* bagi mengingatkan manusia tujuan dan maksud kedatangannya di atas muka bumi. Percaya kepada Allah SWT, kitab-kitab, para Nabi, hari kiamat serta qada dan qadar merupakan peneguhan akidah terhadap jiwa yang sentiasa sedar kepada fitrah diri beriman dan mengabdikan segala-galanya kepada Maha Pencipta. Selain itu, rukun Islam melengkapkan kesempurnaan tatacara hidup dalam melangsungkan hubungan terhadap Allah SWT (*hablunminallah*) dan sesama manusia (*hablunminannas*) dalam ertikata tanggungjawab praktik yang harus dilaksanakan oleh manusia.

Banyaklah hari antara hari,  
Tidak semulia hari Jumaat;  
Banyak nabi antara nabi,  
Tidak semulia Nabi Muhammad.<sup>104</sup>

Daun terap di atas dulang,  
Anak udang mati dituba;  
Dalam kitab ada terlarang,  
Perbuatan haram jangan dicuba.<sup>105</sup>

Perkara ini perlu diambil berat kerana itulah amanah yang diberikan oleh Allah SWT kepada manusia dengan perjanjian untuk hidup makmur di atas muka bumi dengan segala sumber rezeki dan keindahan yang disediakan Allah SWT.

<sup>103</sup> Al Quran dan Terjemahannya, op. cit., hlm 191.

<sup>104</sup> Zainal Abidin Bakar (penyelenggara), op. cit. hlm 60.

<sup>105</sup> Ibid. hlm 62.

Manusia yang sedar sudah pastilah akan cuba memenuhi segala tuntutan ini kerana dengan rahmat Allah SWT, mereka yang patuh dan menjalankan kewajiban-kewajiban ini akan dijanjikan syurga di akhirat nanti. Proses kesedaran ini sangat penting kerana manusia tidak boleh terlalai dalam segala gerak-gerinya yang bakal mengundang sama balasan pahala atau dosa. Inilah satu perkara yang harus diambil berat dan dijaga dengan baik oleh manusia Islam kerana ia akan memberikan kesan kepada pertimbangan-pertimbangan di hari pembalasan kelak. Maka, manusia haruslah sentiasa berusaha untuk menyedarkan diri dengan panduan-panduan yang telah digariskan dalam Islam.

Halia ini tanam-tanaman,  
Di Barat sahaja akan tumbuhnya;  
Dunia ini pinjam-pinjaman,  
Akhirat juga akan sungguhnya.<sup>106</sup>

Orang bermiaga semalam-malaman,  
Apa jualan pulut inti;  
Hidup di dunia buat amalan,  
Untuk bekalan akhirat nanti.<sup>107</sup>

Dengan kedatangan Islam, kedudukan penghidupan orang Melayu menjadi lebih cemerlang terutamanya dalam hal sosialisasi bertetangga dan bermasyarakat. Dengan peraturan-peraturan adat resam yang diwujudkan bersama, manusia Melayu telah menetapkan garis panduan yang harus dituruti oleh setiap ahli masyarakatnya. Konsep permuafakatan samalah seperti konsep syura dalam Islam dengan setiap ahli masyarakat berperanan dalam membentuk ikatan kekeluargaan yang kuat antara satu sama lain.

Hendak belayar ke Teluk Betong,  
Sambil mencuba labuhkan pukat;  
Bulat air kerana pembetung,  
Bulat manusia kerana muafakat.<sup>108</sup>

<sup>106</sup> *Ibid.* hlm 63.

<sup>107</sup> *Kurik Kundi Merah Saga*, op. cit., hlm 157.

<sup>108</sup> Zainal Abidin Bakar (penyelenggara), op. cit., hlm 157.

Masing-masing, manusia Melayu saling bekerjasama, tolong menolong antara satu sama lain kerana itulah yang dianjurkan oleh Islam. Maka, terbitlah konsep bergotong royong, berderau terutama dalam pekerjaan bertani yang merupakan antara pekerjaan utama masyarakat Melayu. Selain itu, ada juga anjuran konsep budi Islam bahawa sesiapa yang berbuat baik akan bertimbal balaslah kebaikan terhadap dirinya pula. Keadaan ini menyangkut kepada soal kebaikan yang dilakukan akan disebut orang walaupun setelah manusia itu tiada lagi di dunia ini. Maka, ini sudah tentu akan memberi nama baik kepada manusia Melayu kerana itulah yang menjadi kenang-kenangan kepada mereka yang masih hidup. Gajah mati meninggalkan tulang, harimau mati meninggalkan belang, sedang manusia mati cuma akan meninggalkan nama yang harum dikenang orang kerana kebaikannya.

Pulau Pandan jauh ke tengah,  
Gunung Daik bercabang tiga;  
Hancur badan dikandung tanah,  
Budi yang baik dikenang juga.

Keharmonian yang wujud dalam sebuah masyarakat Melayu sudah tentu melalui pelbagai struktur masyarakat yang bermula daripada individu kepada ahli masyarakat. Malah dalam Islam, segala rukun kepercayaan bermula dengan akidah dan keimanan dalam diri sebagai individu. Pengucapan dua kalimah syahadah, solat, zakat, berpuasa dan menunaikan haji merupakan kewajipan yang dituntut bagi setiap orang Islam. Ia memperlihatkan betapa tanggungjawab yang kesedaran itu harus bermula dari dalam diri sebelum ia dapat dilangsungkan kepada orang lain. Perkara-perkara dalam rukun Islam dan rukun iman ini dipegang oleh manusia bagi tujuan peringatan terhadap tanggungjawabnya terhadap Allah SWT, tanggungjawab ke atas diri, tuntutan sosial dan kemanusiaan.

Dengan ini, manusia, masing-masing haruslah berusaha untuk menjaga diri sendiri dan membentuk keperibadian yang unggul supaya ia dapat memenuhi tanggungjawab sosialnya dalam hubungan bermasyarakat kelak.

Pasang jerat di hujung tanjung,  
Dapat seekor landak betina;  
Panjang dikerat pendek disambung,  
Baru dibilang sama.<sup>109</sup>

Bermula dari kecil, individu Melayu akan diajar segala adab sopan yang sangat melihat kepentingan orang lain. Nilai-nilai individualistik yang mementingkan diri cuma akan membawa kepada sifat-sifat yang tidak baik kepada seseorang individu; sompong, tamak dan muhu berkuasa. Dalam Islam, sifat-sifat ini sangatlah dilarang. Sekaligus, jika seorang kanak-kanak hidup dengan sikap mementingkan diri sendiri, apabila dewasa, sangat sukarlah ia bertoranssi dengan ahli masyarakat yang lain. Dalam masa yang sama, masyarakat Melayu yang mementingkah hubungan silaturrahim antara ahlinya sudah tentu tidak dapat menerima mereka yang bersifat mementingkan diri. Hubungan timbal balas masyarakat akan terputus pada manusia Melayu yang mementingkan dirinya. Lantas, individu tadi akan terasing daripada masyarakat, sekaligus memutuskan satu rangkaian sistem bermasyarakat yang wujud dalam kesepaduan sebelum ini.

Jika penghulu berkemenakan,  
Itu menganjung meninggikannya;  
Cerdik nan jangan dilagakkan,  
Mungkin bingung kesudahannya.<sup>110</sup>

Banyak orang pergi menjala,  
Menjala udang di dalam parit;  
Jagalah diri jangan tercela,  
Rosak bangsa nama terpalit.<sup>111</sup>

---

<sup>109</sup> *Ibid.*, hlm 53.

<sup>110</sup> *Ibid.*, hlm 46.

<sup>111</sup> *Ibid.*, hlm 141.

Apabila lahir seorang bayi, ibu bapa berperanan untuk mencorakkan cara hidup anaknya itu. Dengan tradisi agama Islam dan resam kehidupan menurut norma masyarakat, sudah tentulah anak itu sudah diajar dengan segala sifat-sifat yang baik, yang memenuhi kehendak dan tuntutan agama masyarakat. Dengan ini, jiwa anak yang masih muda, putih bersih dan murni itu sentiasa mendapat ajaran-ajaran yang mengembalikan dirinya kepada fitrah diri iaitu jiwa yang murni dan berkeinginan untuk membuat kebajikan kepada dirinya sendiri dan kepada orang lain.

Seterusnya, ia juga akan sedar akan kepentingan ajaran-ajaran ini dalam prosesnya memasuki kelompok masyarakatnya dengan segala nilai-nilai yang diklasifikasikan baik, sepatutnya harus ada dalam diri sebagai ahli masyarakat. Ini sudah tentu akan menjamin kedudukan seseorang individu serta ia mendapat tempat yang adil dan saksama dengan ahli masyarakat yang lain. Dia akan turut memberi sumbangan yang besar dalam meneruskan nada harmoni yang ada dalam masyarakat dengan melakukan sesuatu yang telah diterima sebagai norma-norma masyarakat. Adalah menjadi hal yang sangat memalukan jika seorang anak tidak dapat meneruskan tradisi berbudi orang tuanya kerana ini akan disebut sebagai kesalahan ibu bapa yang terconteng arang di muka.

Tuar di hulu mengena ikan,  
Tuar di kuala tak mengena;  
Sesal dahulu pendapatan,  
Sesal kemudian tiada berguna.<sup>112</sup>

Dengan ini, konsep budi tenyata menggerakkan manusia kepada kesedaran terhadap hidup yang harmoni kerana jiwa manusia Melayu yang murni itu sejak kecil sudah dididik dengan ajaran dan kelengkapan pengetahuan

---

<sup>112</sup> *Ibid.*, hlm. 167.

menuju kebaikan. Ini membolehkan ia wujud sebagai ahli masyarakat yang meneguhkan martabat bangsa, agama dan negara berdasarkan tanggungjawab dengan kepentingan memberi dan menerima pada diri dan lebih-lebih lagi kepada orang lain.

Pulau Bentan Pulau Daik,  
Mercu bertaut nampak berkilau;  
Kalau asal benih yang baik,  
Jatuh ke laut menjadi pulau.

Budi dalam falsafah etika manusia Melayu menjurus kepada ciri-ciri persoalan keelokan tingkah laku yang lahir dalam tiga bentuk pengucapan: budi bahasa, budi bicara dan budi pekerti. Jiwa yang bersih dan berkebajikan sudah tentu akan memancarkan sifat-sifat yang baik yang ditampilkan sebagai bahasa diri, iaitu tingkah laku yang berkesedaran untuk menuju kepada kebaikan. Sifat ini sudah tentu akan menjadi daya tarikan orang lain yang melihat betapa pentingnya keelokan tingkah laku dalam menilai seseorang.

Hal ini merupakan perkara yang sangat penting kerana akhlak atau penampilan diri yang tidak senonoh, sompong dan kurang ajar sudah tentu akan menimbulkan kebencian orang lain. Walaupun berharta dan berkuasa atau ahli dan pakar dalam sesuatu bidang, seseorang itu tidak akan dapat menarik hati orang lain jika tidak berkelakuan baik. Dalam filem-filem Melayu lama banyak sekali memaparkan keadaan ini. Pemuda atau pemudi yang baik tingkah lakunya sering menjadi pilihan orang walaupun ia tidak mempunyai harta dan kuasa. Berbanding anak penghulu atau anak orang kaya digambarkan rakus, bernafsu buas dan selalu menganiaya orang dengan menggunakan kedudukan harta dan kuasa mereka.

Bunga kenanga di atas kubur,  
Sayang selasih burung angkasa;  
Apa guna sompong takbur,  
Akhir badan rosak binasa.<sup>113</sup>

Selain itu gaya tutur kata dan penyampaian kalimat bahan bicara dengan budi pekerti yang elok juga memainkan peranan yang sangat penting dalam penampilan dan gambaran akhlak seseorang. Dalam memperkenalkan kerendahan hati dan sifat halus diri, manusia Melayu sering menggunakan konsep berbasis iaitu merujuk sesuatu dengan ungkapan halus, berkias dan penuh sopan. Keadaan berbudi dalam berbicara ini membawa kepada unsur-unsur ketenangan diri, keharmonian dan usaha untuk mengelakkan berlakunya ucapan-ucapan yang tidak molek sampai ke pendengaran.

Bahasa yang kasar, cara penuturan yang meningkah, dengan nada makin hamun sudah tentu akan mengganggu gugat keadaan lawan si pembicara terutamanya pada aspek emosi. Dan jika hati (merujuk kepada jiwa yang halus) sudah disakiti, maka keadaan akan menjadi sangat sulit. Sudah tentu jiwa yang halus akan mudah terusik dengan kata-kata yang tidak baik dan prasangka buruk kekal dalam hati dan mungkin bertukar menjadi dendam. Inilah hal yang harus dielakkan oleh manusia Melayu kerana permainan dendam itu selalunya akan membawa kepada kerosakan yang bukan sedikit.

Pilih-pilih tempat mandi,  
Pertama teluk kedua pantai;  
Pilih-pilih tempat menjadi,  
Pertama elok kedua pandai.<sup>114</sup>

<sup>113</sup> *Ibid.*, hlm 60.

<sup>114</sup> *Ibid.*, hlm 150.

Kerana itu manusia Melayu sangat bersandar kepada permainan kias bahasa yang indah-indah kerana ia mempamerkan bukan sahaja tingkat santun yang tinggi tetapi juga kehalusan estetika yang terdapat pada si pengucap. Dan pantunlah yang paling menyerlahkan keadaan budi bahasa dan budi bicara yang cemerlang dalam usaha mempertahankan corak kehidupan yang halus penuh seni, tata tertib dan kesopanan anak Melayu berbahasa. Ini sudah tentu kan memberikan gambaran kelembutan dan ketenangan jiwa yang terkawal dalam keadaan harmoni.

Konsep timbal balas dalam masyarakat Melayu tidak hanya berkisar dalam masyarakatnya tetapi juga dalam semua keadaan. Dalam budi, kepentingan soal tersebut dirujuk sebagai satu konsep mengenang jasa, iaitu sama seperti proses penunaian amanah dalam perjanjian. Soal janji sangat signifikan dalam Islam. Dalam peribahasa Melayu juga ada disebut, kerbau dipegang pada tali, manusia berpegang pada janji. Keadaan ini mempamerkan jiwa yang berkesedaran pada amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepada manusia Melayu untuk ditunaikan kerana janji dan ketaatsetiaan ini juga merupakan tuntutan agama.

Terang sungguh batang keranji,  
Tukang emas memukul perak;  
Barang siapa mungkirkan janji,  
Dunia akhirat alamat farak.<sup>115</sup>

Walaupun pantun-pantun Melayu banyak sekali membicarakan hubungan janji dan taat setia ini dengan soal percintaan, tetapi secara dasarnya, ia mengisi tuntutan janji dan ketaatsetiaan dalam soal kepercayaan terhadap pertanggungjawaban sesuatu amanah. Dan ini sudah tentulah memberikan perspektif kesungguhan kerja terhadap sesuatu. Sebarang usaha untuk mengelakkan janji ditunaikan atau pengkhianatan taat setia samalah dengan menggadaikan maruah diri pada aspek keyakinan manusia lain terhadap

---

<sup>115</sup> *Ibid.*, hlm 61.

seseorang yang memegang janji itu. Malah unsur taat setia kepada agama, bangsa dan negara juga dilihat sebagai sebahagian daripada iman manusia Islam.

Padi pulut dalam pinggan,  
Padi Jambi tepi perigi;  
Janji mulut boleh lupakan,  
Janji hati dibawa mati.<sup>116</sup>

Buah jering di atas para,  
Diambil budak sambil berlari;  
Hingga kering lautan Melaka,  
Baharulah saya mungkir janji.<sup>117</sup>

Dalam usaha untuk meneruskan kehidupan yang harmoni, ketenteraman jiwa manusia Melayu masih tidak lepas daripada godaan-godaan nafsu yang datang daripada perasaan penuh emosi. Ini melahirkan unsur-unsur negatif yang pesimis. Dalam ertikata yang lain, ia merujuk kepada soal kudrat yang semakin hilang dalam usaha memperjuangkan terutamanya kekuatan batin kerana hambatan emosi tadi. Ini banyak berlaku pada pantun-pantun anak dagang dan perantau serta pantun-pantun mereka yang gagal dalam percintaan yang penuh dengan nada kekecewaan.

Bagaimanapun, yang dimaksudkan dengan nada pesimis ini bukanlah memperlihatkan soal-soal kehancuran jiwa secara total (*decadent*). Ia bagaimanapun lebih merujuk kepada sifat dan jiwa lemah lembut manusia Melayu yang sangat mementingkan perasaan dan kedudukan manusia lain berbanding dengan dirinya. Lalu kita temukan jiwa-jiwa yang penuh keluhan, resah pilu membawa diri dalam pantun-pantun Melayu. Namun begitu, tidaklah ditemukan pantun-pantun yang memperlihatkan kehancuran diri yang menyalahi akidah sebagai seorang Islam.

<sup>116</sup> *Kurik Kundi Merah Saga*, op. cit., hlm 166.

<sup>117</sup> Zainal Abidin Bakar (penyelenggara), op. cit., hlm 272.

Budi Islam menjadi lebih teguh kepada pegangan manusia Melayu kerana mereka percaya bahawa tidak ada apapun yang kekal abadi di dunia ini kecuali Allah SWT. Jiwa yang melara itu selalunya diselamatkan dengan usaha membawa diri menjadi dagang perantau yang sebenarnya membawa satu unsur yang lebih sihat kepada diri manusia Melayu. Dengan menjadi perantau, manusia Melayu akan lebih menilai diri, melihat kembali untung nasibnya, memperolehi banyak ilmu dan pengalaman. Akhirnya kesemuanya menjadi bekalan hidup yang dapat mempertingkatkan diri sebagai manusia yang lebih kuat jiwa raganya.

Kalau tuan pergi ke Deli,  
Bawa gula satu tempayan;  
Kalau pandai membawa diri,  
Di mana jatuh orang kasihan.<sup>118</sup>

Makin esok makin ke pauh,  
Pauh berpagar dengan bintungan;  
Makin esok makinkah jauh,  
Jauh dibawa peruntungan.<sup>119</sup>

Anak enggang di dahan tinggi,  
Patah ranting terbanglah ia;  
Anak dagang lama di sini,  
Sampai musim kembalilah ia.<sup>120</sup>

Begitulah dunia manusia Melayu tradisional meneruskan kehidupannya dalam zaman yang sangat indah itu. Segalanya dapat dibaca dalam teks pantun yang begitu kecil tetapi ekonomikal pemakaian ayat dan simbol yang dicatatkan. Namun semua diksi dan idea kecilnya itu membawa makna yang begitu besar kepada kehidupan masyarakat. Pantun bertugas sebagai alat untuk memberi pendidikan dan pesanan-pesanan turun temurun kepada diri dan kehidupan manusia Melayu. Ia menjadi satu simbol utama yang dirujuk sebagai teks-teks peringatan-peringatan kerana terdapat pelbagai manfaat yang besar dalam

<sup>118</sup> *Ibid.*, hlm 221.

<sup>119</sup> *Ibid.*, hlm 218.

<sup>120</sup> *Ibid.*, hlm 204.

segala isi persembahannya. Kepada manusia orang Melayu, pantun menjadi ungkapan penting kerana ia mempamerkan segala keindahan budi yang perlu dituruti bagi menjamin sistem falsafah etika masyarakat Melayu itu berjalan atas landasan tanpa kuatkuasa yang bersifat undang-undang secara fizikal.

Stigma dan cemuhan masyarakat secara terus terang sudah tentu menjadi satu hal yang membawa kepada rasa malu yang tidak terhingga. Pantun dipakai dalam gaya bahasa kiasnya yang tersendiri sambil mempertahankan sifat dan ciri keindahan dan kehalusan jiwa manusia Melayu. Dengan kewujudan pantun, hukum dunia manusia Melayu dilangsungkan dengan penuh tertib, tanpa ada jiwa-jiwa yang rosak akibat kesalahan-kesalahan yang sentiasa boleh diperbetulkan secara beransur-ansur. Peluang untuk menebus kesalahan tetap ada kerana manusia Melayu percaya bahawa Allah SWT itu Maha Mengasihi lagi Maha Mengasihani. Dan pantun memberi jaminan tersebut selagi ia difahami dengan jelas, penuh jujur dan dihormati fungsinya oleh masyarakat.

Biasa rejan tanda berbau,  
Hendak ingat jangan terkena;  
Bahasa pantun siapa tak tahu,  
Banyak manfaat yang mengakuinya.<sup>121</sup>

Perkara yang paling menarik dalam menganalisis konsep pantun-pantun Melayu dan hubungannya dengan alam dan manusia Melayu yang diam bersama-sama secara harmoni ialah bagaimana dapat dibaca isi mikrokosmos manusia yang tercatat didalamnya. Perbandingan-perbandingan yang terlihat jelas pada setiap peraturan alam itu dapatlah menggambarkan betapa hukum alam (*law of nature*) itu dapat diaplifikasi dengan baik oleh manusia sekiranya tuntutan peraturan itu dipakai dan dihormati.

---

<sup>121</sup> *Ibid.*, hlm 137.

Gerak dan simbol alam memberi satu potensi mengisi kehendak manusia dalam menjalankan satu sistem yang saling melengkapi antara satu sama lain. Ini kerana alam itu dijadikan Tuhan dengan berpasang-pasangan, dari segenap segi; malam dan siang, muda dan tua, laut dan darat, bumi dan langit serta segala isi yang ada antara kedua-duanya. Maka, untuk manusia menjalankan kehidupan dengan harmoni bersama-sama alam, manusia haruslah turut melengkapi segala peraturan yang sudah tercatat menurut ketetapan sunatullah. Dan alam dengan rezeki yang disediakan oleh Allah SWT menjadi tempat manusia mencari hasil bagi meneruskan kehidupannya tanpa perlu ada dominasi yang berlebihan-lebihan oleh sebelah pihak.

*Aristotle... regards the world of nature as holding within itself the potentialities of all things, and striving, with variable success, to realize them; hence "Art partly imitates nature and partly carries to completion what nature has left incomplete" <sup>122</sup>*

Hubungan manusia dengan alam mempunyai pertanggungjawaban yang sangat besar. Di dalam Al Quran, Allah berfirman dalam banyak ayat yang merujuk kepada peri pentingnya hubungan manusia dengan alam. Alam bukan sekadar makhluk yang dicipta untuk mengisi muka bumi bersama-sama manusia tetapi ia sangat berkepentingan sebagai gambaran-gambaran yang menjadi perumpamaan yang harus dibaca dan diamati oleh seluruh deria manusia.

Allahlah yang telah menciptakan langit dan bumi dan menurunkan air hujan dari langit, kemudian Dia mengeluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai buahan menjadi rezeki untukmu; dan dia telah menundukkan bahtera bagimu supaya bahtera itu belayar di lautan dengan kehendaknya, dan Dia telah menundukkan (pula) bagimu sungai-sungai.<sup>123</sup>

(Ibrahim:32)

<sup>122</sup> Alex Preminger (ed.), *op. cit.*, hlm 615.

<sup>123</sup> *Al Quran dan Terjemahannya*, *op. cit.*, hlm 379.

Dengan kesedaran ini, manusia melihat kepada kepentingan kehidupan berbudi kepada alam, bertimbang balas dengan saksama, dan menghormati antara satu sama lain. Malah dalam pepatah Melayu Minang; alam diangkat sebagai guru yang mengajar manusia dengan peraturan-peraturannya; *alam berkembang menjadi guru*. Kekaguman manusia terhadap unsur alam bukan sahaja kerana semata-mata kecantikan flora dan fauna tetapi seperti yang dinyatakan berkali-kali dalam firman Allah SWT bahawa unsur alam itulah yang harus diambil sebagai perumpamaan-perumpamaan bagi mereka yang berakal dan mahu berfikir.

Demi matahari dan cahayanya di pagi hari, dan bulan apabila mengiringinya, dan siang apabila menampakkannya, dan malam apabila menutupinya, dan langit serta pembinaannya, dan bumi serta penghamparannya, dan jiwa serta penyempurnaannya (ciptaannya), maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya, sesungguhnya berjayaalah orang yang membersihkan jiwa itu, dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya, ...<sup>124</sup>

(al Shams: 7-10)

Apabila jiwa manusia yang ikhlas dan jujur tunduk kepada Penciptanya, maka dengan mudah ia juga akan memberi tanggapan yang baik kepada makhluk lain ciptaan Allah SWT iaitu alam yang berada si sekelilingnya. Renungan manusia dengan segala cerapan pancaindera kepada segala sistem sirkulasi dan peraturan alam memberikan daya kreatif dan inovatif yang kritikal untuk diaplikasi kepada kehidupan mereka sendiri.

Menurut psikologi tradisional, kesan-kesan semua deria itu disatukan sehingga menjadi sebuah imej yang padu dan utus dengan 'perasaan menyeluruh' (*hiss al-musyarak, sensus communis*).<sup>125</sup>

<sup>124</sup> *Ibid.*, hlm 1064.

<sup>125</sup> V. I Braginsky, *op. cit.*, hlm 29.

Maka lahirlah pantun-pantun Melayu dengan kesedaran pancaindera yang lima dan mata hati menyaksikan hukum alam itu diperaktikkan dalam tata tertib sistem tingkah laku dan peribadi masyarakatnya. Perlambangan-perlambangan tumbuh-tumbuhan dan pergerakan entiti alam menjadi perumpamaan dan perbandingan kepada untung nasib mereka dalam hidup. Masyarakat Melayu yang sangat akrab dengan segala unsur alam dalam dunia pekerjaan dan kehidupannya banyak merujuk kepada hukum-hukum alam dalam mengkritik adat resam, nilai dan norma-norma yang berlangsung dalam masyarakatnya.

Kesedaran jiwa yang halus akan menggerakkan keinginan-keinginan untuk mempersoalkan hukum kejadian alam yang berlaku di depan mata. Maka, renungan-renungan yang bersifat dialektika akan memberikan jawaban kepada persoalan. Resam alam yang terpandang di mata itulah akhirnya diambil sebagai peringatan-peringatan kepada aturan kehidupan.

Pukul gambang Kampung Cik Tahir,  
Bunyinya sampai ke Pulau Jerjak;  
Umpamanya kiambang di atas air,  
Daunnya hijau akar tak jejak.<sup>126</sup>

Anak burung terbang perlahan,  
Hinggap mari di ranting kayu;  
Kalau nak beli buah setandan,  
Tentu bercampur masak dan layu.<sup>127</sup>

Satu tangan bilangan lima,  
Dua tangan bilangan sepuluh;  
Saya bertanam buah delima,  
Mengapa gerangan peria tumbuh.<sup>128</sup>

Pohon jati tanda sempadan,  
Daunnya gugur pohon pun tumbang;  
Kusangka menjadi nyiur setandan,  
Rupanya gugur ketika mumbang.<sup>129</sup>

<sup>126</sup> Zainal Abidin Bakar (penyelenggara), *op. cit.*, hlm 196.

<sup>127</sup> *Sekalung Budi Seuntai Bahasa*, *op. cit.*, hlm 102.

<sup>128</sup> *Ibid.*, hlm 131.

<sup>129</sup> *Ibid.*, hlm 129.

Catatan R. O Winstedt tentang budaya pekerjaan manusia Melayu tradisional banyak sekali menceritakan tentang kehidupan manusia Melayu tradisional yang tertumpu menjadi nelayan dan bersawah padi.<sup>130</sup> Keadaan ini menurutnya lagi memberikan satu skop yang sangat luas terhadap keakraban jiwa manusia Melayu dengan pemilihan entiti-entiti yang berunsur alam semesta yang berada dalam persekitarannya.

Manusia Melayu yang terhutang budi kepada alam yang memberinya ruang untuk mencari rezeki begitu memanfaatkan segala keindahan alam dalam tutur bicaranya, ucapan-ucapan sehari-hari dengan merujuk sebagai guru dan pesan-pesan yang mengingatkan tentang permainan dan peraturan dunia kehidupan. Selain dilihat sebagai imej-imej daripada alam, entiti-entiti alam ini juga memberi satu maksud halus yang merujuk kepada rasa syukur atas nikmat kemewahan kurniaan Allah SWT kepada manusia Melayu.

*This convention of the pantun gives the observer of nature a wide scope, and the number of natural objects cited is abundant - swifts on the wing, the quail's cry, a scorpion on a sugar-cane, morning mist, dew on grass, a banyan tree beside a rice-plot, tall bamboo clumps, a pheasant's nest in a cleft above a water-fall, the splash of paddles, the sight of white paddles moving like the wings of white birds, convolvulus wreathing stalks in an abandoned rice-swamp, butterflies upon rock by the sea, a monkey descending a tree to bathe in a moonlit marsh, the arched back of a leech, the praying mantis, tumbling dolphins, the sailing boat luffing past a sunken rock. Though this abundance of imagery is due partly to the compulsion of assonance and rhyme, it shows the Malay is not blind to nature,...<sup>131</sup>*

Menurut Muhammad Haji Salleh, unsur-unsur alam yang terdapat dalam dunia manusia Melayu sering dilihat seperti mengetahui perasaan manusia dan

<sup>130</sup> R.O Winstedt, 1961. *The Malays A Cultural History*. (London: Routledge & Kegan Paul Ltd), hlm 122-124.

<sup>131</sup> *Ibid.*, hlm 158.

menyebelahinya dalam menyediakan tanda, memberi peringatan ataupun merayakan sesuatu.<sup>132</sup> Oleh kerana alam selalu digambarkan sebagai buku-buku yang penuh dengan perumpamaan untuk dibaca oleh manusia Melayu, maka pencarian ilmu oleh jiwa yang bersih penuh teliti akan menemukan kebenaran. Alam bercerita secara jujur, tanpa pura-pura, dengan resam sehari-hari dan juga yang tidak dapat disangka. Begitulah juga dengan hidup manusia. Rentak dan rima alam juga terpancar pada denyut nadi dan alir darah dalam tubuh manusia.

Peralihan waktu siang malam, corak alun gerak daun dan ombak di laut, bunyi desir angin yang bertukar deru dan segala haiwani yang bersuara nyaring merdu menjadi rantai-rantai sistem pemberi pesan kepada manusia menerusi cerapan pancaindernya. Secara halus, segala entiti-entiti ini secara mujarad menyelinap masuk ke dalam akal dan hati. Jiwa manusia yang tenang meneroka alam yang tergambar dan melahirkan abstraksi yang tulus, jujur dan luhur. Dalam menzahirkan ungkap bicara, kias ibarat dan bahasa sastera dengan aturan mainan kata-kata dari abstraksi tadi, maka lahirlah sebutir pantun kecil yang mencerna dunia budiman manusia Melayu dengan alam semestanya.

<sup>132</sup> Wan Ab. Kadir,Wan Yusuf, *op. cit.*, hlm 110.

## KESIMPULAN

Hai manusia yang mempunyai jiwa yang tenang. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi direday-Nya. Maka masuklah ke dalam jamaah hamba-hamba-Ku, dan masuklah ke dalam syurga-Ku.<sup>133</sup>

(al Fajr: 27-30)

Jiwa yang mempunyai kesedaran terhadap tuntutan fitrah diri sudah tentu akan berusaha untuk menjalankan segala perintah Allah SWT untuk mendapat rahmat dan kasih sayangnya. Manusia Melayu yang bersandarkan budi mempunyai keistimewaan dalam mengolah situasi ini kerana titik budi yang muncul dalam diri manusia Melayu itu menjadi sempurna dengan penyerahan diri kepada agama Islam yang membantu melengkapkan martabat pegangan adat resam dalam kehidupan masyarakat. Dengan sifat diri yang sentiasa tawaduk dan sentiasa mengingati asal kejadian diri, maka manusia Melayu menjalani kehidupan dengan penuh sederhana kerana tahu bahawa dunia ini hanya bersifat sementara. Tidak ada apa yang akan ditinggalkan dibumi ini kecuali kebajikan amal jariah, ilmu yang disebarluaskan dan anak soleh yang akan sentiasa mendoakan roh si mati. Kepada manusia Melayu, konsep budi mengajarnya untuk mencapai tiga perkara ini dengan segala kesyukuran diri dan juga hubungannya dengan segala makhluk ciptaan Allah SWT.

Budi yang terhimpun dalam segala ciri, sifat diri dan seni budaya manusia Melayu akan menjadi jambatan kesedaran jiwa untuk memartabatkan peradaban diri dan bangsa di mata orang lain. Jiwa yang bersih, murni dan tahu diri akan sentiasa menjadi tiang dan dinding yang meneguhkan, melingkungi dan melindungi peribadi dan jatidiri orang Melayu untuk kekal sebagai salah satu peradaban dunia.

<sup>133</sup> Al Quran dan Terjemahannya, 1997. *Ibid.*, hlm 1059.

Selagi manusia Melayu itu kekal merujuk kepada leluhur zaman berzaman, budi tetap akan menjadi gagasan falsafah etika manusia Melayu yang akan dibawa sebagai obor kesedaran dalam jiwa setiap anak bangsanya. Tiada apa yang akan dapat mengganggu gugat jiwa yang sempurna jika anak Melayu teguh mempertahankan jati diri dengan tradisi yang ditandai budi bagi memperkuuh diri menjadi peringatan-peringatan kepada seluruh kehidupan manusia Melayu dari zaman ke zaman.

Tegak rumah kerana sendi,  
Runtuh sendi rumah binasa;  
Tegak bangsa kerana budi,  
Runtuh budi hilanglah bangsa.